

Bil. 14

**Selasa
3 April 2012**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA: - Mesyuarat Dewan Rakyat Ditambah Empat Hari	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Dari pada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya	(Halaman 22)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA
31. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. - *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO

18. Yang Berhormat Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrudin Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)

3. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Dato’ Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)

18. Yang Berhormat Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 3 April 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MESYUARAT DEWAN RAKYAT DITAMBAH EMPAT HARI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang tidak bersidang pada 11 dan 12 April 2012 berikutan pengisytiharan tarikh 11 April 2012 sebagai hari cuti umum sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-14. Kerajaan memutuskan supaya Mesyuarat Dewan Rakyat ditambah empat hari mulai 16 April hingga 19 April 2012. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain dapat diselesaikan, permohonan ini adalah selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Sekian.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tahap pelaksanaan Projek MRT setakat ini dan bagaimanakah proses pembinaannya akan diselaraskan untuk tidak meningkatkan kesesakan sedia ada di laluan yang telah dikhususkan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kesemuanya terdapat 86 pakej kerja MRT untuk laluan Sungai Buloh - Kajang. Sehingga 27 Mac 2012, sebanyak 27 pakej kerja telah dianugerahkan kepada kontraktor yang layak dan meliputi kerja-kerja awalan seperti pengalihan utiliti dan penyediaan tanah. Sebanyak 12 pakej kerja masih dalam pembidaan dan baki 47 pakej kerja belum dibuka untuk pembidaan. Antara pakej kerja penting melibatkan amaun yang besar dan telah diberikan kepada syarikat kontraktor yang terpilih adalah seperti berikut, pakej untuk kerja bawah tanah *underground work* bernilai RM8.2 bilion dianugerahkan kepada MMC-Gamuda Joint Venture, pakej jejambat V5 bernilai RM974 juta dianugerahkan kepada IJM Berhad dan pakej jejambat V6 bernilai RM764 juta dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Resources Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedia maklum bahawa projek MRT merupakan projek pembangunan infrastruktur berkepentingan rakyat yang akan melibatkan kerja-kerja fizikal di kawasan lalu lintas berkepadatan trafik yang tinggi di sekitar Lembah Klang. Justeru kerajaan memberikan perhatian dan keutamaan khusus terhadap pelaksanaan projek MRT ini supaya ia dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan dan lebih

utama lagi tidak terlalu menyusahkan pengguna jalan raya keseluruhannya. Dalam hubungan ini, sungguhpun projek ini perlu dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan, kerajaan sentiasa memastikan ia tidak memberikan kesulitan yang teruk kepada keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan pembinaan MRRT.

Justeru, sejak awal perancangan projek ini, MRT Corp. melaksanakan pengurusan trafik yang berkesan dan kajian terhadap kesan kepada *Traffic Impact Assessment* telah pun dibuat. MRT Corp. juga telah merangka pelan pengurusan trafik yang komprehensif serta mematuhi keperluan pihak berkuasa tempatan supaya proses pembinaannya dapat diselaraskan dengan cekap dan kesulitan yang berpunca daripada pembinaan MRT ini dapat diminimumkan, terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan yang cukup komprehensif yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Persoalan di sini MRT Corp. telah pun membuat penjelasan yang begitu rapi, cuma *the matter of time dengan izin* Tuan Yang di-Pertua, mungkin agak lewat seperti mana yang dipaparkan dalam beberapa akhbar seperti di akhbar *Sin Chew Daily* 1 April yang dinyatakan beberapa kaedah dari segi keselamatan sistem kerja, masa yang diambil dan kesulitan yang bakal timbul.

Kemungkinan di peringkat awal MRT Corp. saya difahamkan CEO dia Datuk Azhar Abdul Hamid telah pun mengadakan siri perbincangan dengan jawatankuasa yang telah membuat bantahan dan ini juga telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kawasan-kawasan bersejarah ini dilindungi dan kerja-kerja dibuat mengikut kepakaran seperti *tunneling* yang menimbulkan kebimbangan kerana cara kita sekarang ini mungkin kita kurang yakin kepada pakar. Jadi pakar ini di sini, dan kita yakin, kita ada teknologi terkini, di bawah laut pun orang boleh buat *tunneling* orang boleh lalu dan selamat dalam keadaan tidak ada kes-kes pun kecuai, kemalangan yang berlaku.

■1010

Cuma mungkin *the matter of time* seperti yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang menyebabkan berlaku *peaceful assembly* dengan izin yang ada kumpulan-kumpulan penduduk yang membawa lilin menyatakan bantahan, kebimbangan mereka disebabkan kesulitan ini akan berlaku berpanjangan sehingga tahun 2017 sepertimana yang dipaparkan dalam *Sin Chew Daily* pada 1 April.

Jadi saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun usaha-usaha telah diambil oleh MRT Corp tetapi adakah ciri-ciri untuk menerangkan ataupun perjumpaan dengan jawatankuasa dan penduduk terbabit bagi menjelaskan keadaan sebenar, dan kedua, kerana kita difahamkan Jalan Sultan dan juga Jalan Inai ini akan melibatkan juga kesesakan di seluruh bandar Kuala Lumpur berpanjangan hingga tahun 2017. Memanglah untuk kita membuat sesuatu yang terbaik ini kita akan menghadapi sedikit kesulitan di peringkat awal ini yang terpaksa dihadapi oleh penduduk-penduduk di ibu kota.

Jadi dalam hal ini, apakah pendekatan yang telah dibuat MRT Corp untuk pastikan penjelasan yang begitu rapi soal pengambilan tanah, soal-soal yang berkaitan dengan pengosongan premis iaitu berdasarkan kepada notis yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian yang menimbulkan pelbagai salah tanggapan yang berlaku. Jadi tindakan setakat ini, adakah ia berkesan untuk pastikan rakyat mendapat penjelasan dan fakta sebenar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang potensi masalah yang akan timbul. Ini sudah tentu sesuatu yang perlu dititikberatkan oleh MRT supaya janji kerajaan supaya kerja-kerja ini tidak akan memberi kesulitan kepada penduduk tempatan ataupun kepada pengguna kawasan itu terjamin.

Seperti yang dinyatakan tadi bahawa MRT telah pun merangka pelan pengurusan trafik yang telah pun diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini bermakna saya kira semua kebimbangan ini sudah pun dibincangkan dan diambil kira dan yang pentingnya pelan ini mesti diikuti sebaik mungkin. Jangan sahaja ada pelan yang baik yang telah mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan yang mengambil kira kepentingan awam tetapi juga memastikan pelan ini akan diikuti dengan tepat ya.

Tentang masalah yang ditimbulkan berhubung dengan penduduk di sekitar Jalan Sultan sebanyak 23 rumah kedai, ini juga masalah ini telah dirunding sebaik mungkin dan boleh dikatakan sebahagian besarnya telah menerima pakej pampasan yang telah ditawarkan. Cuma, ada dua penghuni yang belum lagi, yang masih lagi hendak mempertimbangkan tawaran ini. Tawaran ini cukup baik.

Pertamanya, rumah-rumah ini tidak dirobohkan, rumah-rumah kedai ini tidak dirobohkan. Kerja-kerja hanya dibuat di bawah tanah dan Yang Berhormat ada menyebut tentang penggunaan teknologi memastikan supaya kerja-kerja ini tidak mengganggu, walau pun di bawah tanah tidak mengganggu bangunan di atas tanah umpamanya ataupun premis-premis perniagaan. Ini dipastikan, bahkan kerajaan telah memberi jaminan sekiranya terdapat apa-apa kerosakan, ia akan diganti. Pada masa yang sama, setengah mereka perlu berpindah selama enam bulan dan pampasan akan diberi sepenuhnya seolah-olah mereka ini berniaga setiap hari. Pendapatan yang terjamin macam cuti bergaji penuhlah kalau dikira ya. Jadi, semua ini diambil kira supaya rakyat tidak kerugian.

Saya yakin oleh kerana tumpuan yang begitu banyak terhadap projek ini, maka pengurusan perlu dibuat sebaik mungkin kerana ia adalah sesuatu yang perlu dibuat dengan baik supaya projek-projek besar seperti ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih senang di masa-masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada hari ini MRT Corp tidak mengumumkan satu laporan yang mustahak iaitu laporan *social impact assessment* dan juga satu *soil investigation assessment*. Kedua-dua laporan tidak dilaporkan kepada orang ramai. Apa yang amat membimbangkan rakyat ialah oleh kerana Jalan Sultan salah satu tempat yang bangunan berwarisan melebihi 100 tahun, jika MRT Corp yang membuat, mengorek 30 meter di bawah tanah, saya bimbang bangunan berwarisan ini akan runtuh. Ini yang dibimbangkan oleh rakyat jelata, seluruh kelompok khususnya rakyat Malaysia. Saya ingin tahu apakah jaminan yang diberi kepada bukan pemilik sahaja tetapi kepada rakyat Malaysia bahawa bangunan warisan ini tidak akan runtuh?

Juga ada satu cadangan yang baik ialah *realignment* jajaran ini dari Pasar Seni ke Pasar Rakyat. Ini kerana di tempat Pasar Rakyat, satu hab pengangkutan awam ialah LRT ada sana dan juga *bus station* pun ada. Di sana itu tiga MRT digunakan, dibina di tempat itu. Saya rasa ini amat mustahak untuk menyelesaikan lalu lintas di Kuala Lumpur ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan telah memberi janji bahawa bangunan-bangunan warisan ini tidak akan dirobohkan dan akan dipelihara. Keduanya, dalam pembinaannya perlu diambil tindakan sewajarnya supaya ia tidak mengganggu kerana kerajaan juga telah berjanji apa-apa kerosakan akan diganti sepenuhnya. Bukan bererti kita boleh merosakkan tetapi bermakna ini ada satu langkah untuk memastikan apabila sudah ada janji untuk mengganti, maka kita mesti berhati-hati.

Penduduk terlibat telah pun berunding. Kebanyakannya sudah bersetuju untuk berunding dan menerima persetujuan supaya mereka ini berpindah enam bulan dan diberi pampasan sepenuhnya kecuali sepertimana yang saya sebut tadi, ada dua penghuni yang masih lagi sedang mempertimbangkan.

Tentang *realignment* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa ini sudah merupakan perkara yang lalu kerana perbincangan dan persetujuan sudah hampir kepada yang telah dirancang sekarang. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun...

Tuan Yang di-Pertua: Hal Kuala Lumpur Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya duduk di Kuala Lumpur ini daripada tahun 1999. Isteri sahaja tidak ada di Kuala Lumpur ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. Yalah, lama bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semua orang setuju Tuan Yang di-Pertua, MRT ini sebagai usaha menyelesaikan kesesakan di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ini ganjil Tuan Yang di-Pertua. Ganjil Tuan Yang di-Pertua. Di penjurong sana kesesakan akan menyebabkan kesesakan di penjurong sebelah sini. Jauh tetapi kesesakan dia menjangkit. Jadi, MRT ini mudah-mudahan sebagai jalan penyelesaian. Cuma, berhati-hatilah Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi ke Taiwan Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kepekaan orang di Taiwan, Tuan Yang di-Pertua. Dia buat jalan atas ini apa nama?

Beberapa Ahli: *Flyover*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Flyover* ini supaya *highway* ini tidak melanggar sawah padi. Betapa Tuan Yang di-Pertua, sawah padi dilindungi dengan membuat *flyover* yang di atas.

■1020

Flyover berkilo-kilometer panjang Tuan Yang di-Pertua, hanya hendak menyelamatkan sawah padi. Itu kepekaan orang. Cuma saya harap kerajaan jangan fikir ada kerosakan, bayar ganti rugi. Ada sedikit masalah, bayar ganti rugi. Dunia ini Tuan Yang di-Pertua bukan wang semata-mata Tuan Yang di-Pertua. Ada benda yang lebih bernilai daripada wang seperti bahan sejarah. Kepakaran memang ada, kita gali di bawah.

Jadi saya berharap sangat-sangat jangan orang hendak buat MRT kita buat MRT kerana kadang-kadang di Kuala Lumpur ini Tuan Yang di-Pertua, ada orang hanya hendak cari peluang kewangan. Bukan kerana penting sangat projek itu. Akan tetapi hendak mencari projek kewangan. Entah mana-mana puak ini datang. Jadi kerajaan kena berhati-hati kerana apa juga kesan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah dengan begitu baik dan adil akan terjejas.

Ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang orang yang mendatangkan cadangan dia tidak kisah tentang apa yang akan berlaku kepada kerajaan. Kerajaan baik, kerajaan membela rakyat, kerajaan membuat berbagai-bagai untuk rakyat. Akan tetapi kadang-kadang berlaku perkara-perkara yang tidak diingini nama baik kerajaan akan terjejas. Saya harap bagaimana agaknya boleh mengawal perkara-perkara yang tidak diingini boleh berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, itu harapan, bukan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalan juga Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Tuan Yang di-Pertua saya hanya ingin menyatakan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Belum siap, ada lagi soalan di situ. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: ...Peringatan Yang Berhormat Sri Gading kita terima dengan baik. Terima kasih.

2. Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan mengenai kajian perkembangan padi hibrid yang dikatakan bakal menyelesaikan masalah kekurangan bekalan beras di negara ini. Apakah kajian ini telah dilaksanakan dan institusi manakah yang telah dipertanggungjawabkan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyelidikan padi hibrid di Malaysia diterajui oleh MARDI telah dimulakan pada tahun 2005. Kini penyelidikan sedang dilaksanakan bersama beberapa syarikat swasta seperti RB Biotech Sdn Bhd, Puncak Kaji Sdn Bhd, *Sime Darby* dan beberapa syarikat yang lain.

MARDI telah pun memulakan penyelidikan padi hibrid dengan peruntukan khusus daripada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi berjumlah RM10 juta pada tahun 2005

untuk tahun 2005 hingga tahun 2010. Fokus penyelidikan adalah dalam bidang-bidang keutamaan seperti berikut:-

- (i) penilaian *variety* hibrid berpotensi;
- (ii) penilaian baka import dari negara luar;
- (iii) pembangunan baka tempatan untuk menghasilkan padi hibrid tempatan; dan
- (iv) pembangunan teknologi pengeluaran benih padi hibrid.

Aktiviti penyelidikan dilaksanakan di stesen-stesen penyelidikan MARDI seperti stesen MARDI Seberang Perai dan Bumbang Lima khususnya dalam penilaian *variety* dan juga baka padi hibrid. Stesen penyelidikan padi hibrid MARDI di Tambun Tulang, Perlis sebagai pusat informasi dan pemindahan teknologi yang dijana dan sebagai latihan teknologi padi hibrid. Selain itu stesen ini juga berperanan sebagai pembekal dan pengeluar benih asas induk baka hibrid kepada syarikat yang diberi lesen oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pada Disember 2006, RB Biotech Sdn. Bhd. telah pun memperkenalkan satu *variety* baru kepada hibrid yang diberi nama Siraj. Siraj adalah dari induk yang dibawa daripada negara China dan Filipina. Matlamat penyelidikan dalam padi hibrid adalah untuk meningkatkan potensi 15% hingga 20% lebih tinggi daripada padi *inbred*.

Penilaian prestasi padi Siraj di beberapa kawasan telah menunjukkan penambahan hasil sekitar 1 tan hingga 1.5 tan per hektar berbanding *variety* RM-219. Manakala kualiti pengilangan padi Siraj adalah baik dengan pulangan beras 67%. Ini jelas menunjukkan padi hibrid mempunyai potensi untuk menyelesaikan masalah kekurangan beras negara. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri atas jawapan. Saya difahamkan kos padi hibrid ini agak mahal dan memerlukan kawasan yang luas. Bagi peladang-peladang ini yang lebih pentingnya ialah apa sahaja yang diberi sama ada padi itu padi hibrid ataupun bukan padi hibrid, yang pentingnya ialah padi itu berkualiti, boleh meningkatkan hasil peladang-peladang, yang mana sekarang ini kita dapati kualiti benih padi semakin merosot. Saya timbulkan ini ialah apa sahaja benih padi sama ada padi hibrid ataupun *non* hibrid yang bagi peladang-peladang sekiranya padi hibrid itu lebih murah, boleh meningkatkan hasil mereka bersedia untuk menerima.

Akan tetapi yang menjadi isu sekarang ini ialah berkaitan dengan benih-benih padi yang gagal dilaksanakan oleh kerajaan yang menimbulkan banyak masalah. Benih padi yang tidak berkualiti menyebabkan banyak penyakit, padi angin dan hasil yang merosot. Ini di antara puncanya adalah kerana pihak kerajaan memberikan tempoh masa yang panjang kepada syarikat-syarikat untuk menyediakan benih-benih padi ini sampai tiga tahun sebagai contohnya.

Saya bimbang sekiranya padi hibrid ini yang kosnya mahal juga dan juga diberi tempoh yang panjang jadi tidak ada manfaatnya kepada peladang-peladang walaupun kajian dengan peruntukan RM10 juta diberi oleh pihak kerajaan tetapi manfaat kepada peladang-peladang itu tidak diperolehi. Jadi ini persoalan yang ingin saya timbulkan supaya pihak kerajaan lebih peka tentang apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan benih padi yang disediakan oleh mana-mana syarikat ataupun pihak kerajaan sendiri mempunyai kualiti yang baik dan boleh dimanfaatkan oleh peladang-peladang ini. Terima kasih.

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Kedah. Pertama mengenai harga hibrid ini memang betul kerajaan bayar hibrid ini lebih mahal benih padinya, sekarang di pasaran RM15 per kilo berbanding dengan harga padi biasa. Akan tetapi kuantiti yang menggunakan benih hibrid ini dia lebih sedikit daripada benih padi biasa sebagai contoh kalau padi biasa memerlukan di antara 120 tan hingga 150 tan per hektar. Akan tetapi dengan menggunakan padi hibrid ia hanya memerlukan lebih kurang 20 kilo hingga 30 kilo per hektar.

Oleh kerana padi hibrid ini baru dan kerajaan telah pun bersetuju dengan syarikat *Biotech* ini untuk kita memberikan 2,000 tan permulaan ertinya RM3 juta kerajaan akan belanja untuk kita memberikan, agihkan kepada petani-petani yang memerlukan. Walau

bagaimanapun syarikat ini masih tidak mampu untuk mengeluarkan 2,000 tan. Itu yang pertama.

Kedua, saya ucapkan terima kasih di atas peringatan Yang Berhormat mengenai kualiti benih padi. Ini pun memang menjadi satu matlamat kementerian kerana kita belanja duit yang banyak dengan memberikan insentif kepada pengeluar padi RM1.35, satu kilo. Untuk memastikan itu maka kementerian telah pun membuat tender secara terbuka untuk kita memilih syarikat-syarikat yang betul-betul layak untuk mengeluarkan benih padi sah ini. Untuk tender yang baru ini kementerian telah tambah lagi satu syarat iaitu semua syarikat yang berminat untuk mengeluarkan benih padi sah mereka mesti mengadakan satu kilang, satu mesin pengasingan supaya mesin ini boleh memisahkan di antara padi dan juga padi angin.

Kita telah membuat percubaan di kawasan Selangor dan di mana-mana syarikat yang ada padi pengasingan ini kita lihat memang boleh memberikan benih padi yang berkualiti dan kurang daripada padi angin. Ini kerana kita punya standard ialah tiap-tiap satu kilo benih padi sah ia tidak boleh melebihi 10 biji padi angin. Ini standard yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian dia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengeluaran padi ini memenuhi standard yang telah kita tetapkan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah setakat ini Tuan Yang di-Pertua saya memang mendoakan supaya projek-projek ini berjaya. Apa *target* kementerian atau kerajaan ke atas padi hibrid ini dalam usaha untuk menjamin makanan dalam negara khususnya padi, beras ini dan sekali gus dapat meningkatkan pendapatan petani-petani khususnya sawah padi ini di seluruh negara. Sekian terima kasih.

■1030

Datuk Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Salah satu matlamat kita untuk pastikan bahawa bekalan makanan ini cukup. Contohnya, beras ini yang berasal daripada padi Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kita memperkenalkan *variety-variety* baru seperti hibrid yang saya nyatakan tadi berjaya memberikan peningkatan hasil padi dan juga berjaya menghasilkan hasil padi yang lebih baik sampai 67%. Itu yang pertama, *variety-variety* baru yang kita sedang - yang MARDI sentiasa membuat kajian.

Kita juga telah pun menjumpai satu *variety* yang baru ini, yang mana ia boleh menjamin untuk melawan padi angin. Yang kedua, kita juga sekarang ini sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil usahawan ataupun padi-padi, sasar jelapang-jelapang padi yang hari ini yang hanya mampu mengeluarkan padi dua kali setahun. Kita akan berusaha dan MARDI telah pun membuat penyelidikan supaya yang mana tanam dua kali setahun, dia boleh tanam lima kali dua tahun. Ini menunjukkan musimnya akan bertambah. Dalam masa yang sama, kita juga sedang berusaha untuk mengusahakan semula kawasan-kawasan padi yang terbiar yang berada di seluruh negara.

Dalam masa yang sama kita juga sedang berusaha untuk membuka jelapang padi yang baru seperti di Sarawak dan juga Sabah. Hari ini memang *self-sufficient* kita ialah 70% tetapi dalam usaha-usaha kita ke arah untuk memastikan kita mencapai *self-sufficient*, usaha yang paling penting ialah selain daripada usaha kerajaan, petani-petani juga akan kita dekati untuk kita memberikan kursus-kursus modal insan ini supaya petani-petani juga berusaha bersama-sama dengan kerajaan untuk memastikan hasil padi seperti mana yang kita harapkan. Terima kasih.

3. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bersedia untuk:-

- (a) memberikan elaun khas kepada sukarelawan bomba setelah mereka membantu memadamkan satu-satu kebakaran; dan
- (b) mengadakan pasukan bomba air khusus untuk menangani kebakaran di kawasan penempatan di pinggir sungai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak memberi apa-apa elaun khas kepada bomba sukarela. Kerajaan hanya memberikan bantuan daripada segi latihan dan peralatan kebombaanan seperti kenderaan bomba, pam, jaket api, kasut api dan helmet. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mempunyai pasukan penyelamat yang dibekalkan dengan peralatan penyelamat di air seperti bot-bot penyelamat bagi menangani kebakaran dan penyelamatan di kawasan pantai mahupun di pinggir-pinggir sungai, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang menjadi kebimbangan kita ialah tentang penduduk-penduduk kampung nelayan di mana mereka ini rumah mereka adalah padat, memang sudah semula jadinya begitu. Seperti di Teluk Brunei dan juga di kampung-kampung warisan di pekan Limbang. Saya yakin ini juga berada di tempat-tempat lain. Jadi, apabila kita perhatikan kawasan-kawasan begini memang ada bot sukarelawan setengahnya tetapi apa yang kita tengok, apa yang pernah kita lihat kadang-kadang kejadian kebakaran, maka sukarelawan ini memang susah hendak menangani masalah kebakaran kecuali melalui daripada sungai.

Jadi, kita melihat perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, ialah melihat daripada pengalaman di negara jiran di mana mereka memang mempunyai bot khas. Bot itu sendiri ada memang cukup dengan dia punya - yang memang direka bentuk khas untuk menangani kebakaran sebab mereka mempunyai kampung air yang saya rasa juga terdapat di tempat-tempat kita di negara ini. Jadi, mereka dapat menangani masalah ini dengan begitu efektif sekali di mana kawasan-kawasan ini memang dikelilingi air. Di mana sukarelawan sendiri pun tidak boleh hendak buat sesuatu kecuali mengelak kebakaran daripada berlaku. Jadi, kita memang memohon kepada kerajaanlah untuk melihat perkara ini dan kalau boleh menimbangkannya, permohonan kita ini. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam jawapan saya tadi bahawa memang Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai kelengkapan yang secukupnya untuk membuat penyelamatan terutama sekali di laut mahupun di sungai-sungai terutama sekali rumah-rumah nelayan. Jadi, saya percaya untuk makluman Yang Berhormat, di kawasan Yang Berhormat pun sudah ada juga bot-bot yang telah pun dilengkapi dengan peralatan, terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawasanya kementerian tidak memberikan apa-apa elaun kepada petugas-petugas bomba sukarela. Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kriteria untuk penubuhan sesebuah balai bomba ataupun pasukan bomba kerajaan di sesuatu tempat kerana di tempat saya masih belum ada lagi balai bomba yang memadam kebakaran adalah pasukan bomba sukarela. Akan tetapi apa masalah yang mereka hadapi adalah dari segi kelengkapan. Mereka tidak mempunyai kelengkapan yang cukup apabila memohon kepada pihak bomba, tidak diberi kelengkapan tersebut.

Apa yang menyedihkan apabila berlaku kebakaran, bomba inilah yang dahulu pergi memadam kebakaran. Apabila telah selesai barulah pihak bomba datang untuk orang kata untuk hendak dapat nama. Jadi, saya harap pihak kementerian tolong-tolonglah memberi ihsan kepada pasukan-pasukan bomba sukarela ini kerana mereka lebih dahulu memadamkan kebakaran daripada bomba yang biasa. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sebenarnya kriterianya adalah pertama, kepadatan penduduklah. Yang kedua, pemiagaan di kawasan yang berkenaan, yang ketiganya mempunyai bangunan-bangunan seperti sekolah dan lain-lain. Itu di antara kriteria yang kita bina sebuah balai bomba. Saya tidak faham Yang Berhormat tadi mengatakan di kawasan Yang Berhormat tidak ada bomba tetapi saya percaya kalau di kawasan daerah, di kawasan DUN mungkin tidak ada ataupun di kawasan Parlimen tetapi di kawasan daerah itu, setiap daerah di seluruh Malaysia ini kita sudah ada bomba.

Bagi bomba sukarela, tidak ada diskriminasi kepada mana-mana bomba sukarela, kalau ada keperluan untuk kita bagi, kita akan bagi peralatan yang mereka inginkan. Akan tetapi ada juga beberapa perkara yang kita ambil kira ialah pertama, kadang-kadang ada di

antaranya bomba sukarela ini mereka tidak begitu aktif walaupun kita bagi dengan peralatan yang secukupnya tetapi bukanlah di kawasan Yang Berhormat, mungkin di kawasan-kawasan lain, itu kita dapati. Yang keduanya, ada juga penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan dalam bomba sukarela. Jadi, ini pun di antara perkara-perkara yang kita ambil kira untuk kita membekalkan peralatan kepada mereka. Yang ketiga ialah mereka ini telah dilatih menggunakan- sebab tidak ada faedah langsung kalau mereka ini tidak dilatih untuk menggunakan peralatan yang agak canggih sekarang ini. Terima kasih.

4. Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes jenayah yang didakwa di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen bagi setiap negeri pada tahun 2011 mengikut jantina warganegara/migran dan dewasa/bawah umur. Nyatakan bilangan kes yang tidak menerima perkhidmatan guaman bagi setiap kategori.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Disember 2011 berdasarkan statistik yang di kumpulkan oleh Badan Kehakiman, jumlah kes jenayah di Mahkamah Majistret yang melibatkan pesalah bawah umur iaitu kanak-kanak adalah sebanyak 4,436 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 515 kes menerima perkhidmatan guaman dan baki sebanyak 3,921 kes tidak menerima perkhidmatan guaman. Sementara itu di Mahkamah Sesyen, jumlah kes jenayah yang melibatkan pesalah bawah umur iaitu kanak-kanak yang didaftarkan adalah sebanyak 62 kes sahaja di mana daripada jumlah tersebut, 20 kes menerima perkhidmatan guaman dan selebihnya iaitu 45 kes tidak menerima perkhidmatan guaman.

Berdasarkan statistik di Lampiran A yang saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat nanti, di Mahkamah Majistret didapati bahawa jumlah kes yang tidak menerima perkhidmatan guaman yang paling tinggi adalah di negeri Johor dengan jumlah 537 kes. Sementara di Mahkamah Sesyen pula, negeri Perak mencatatkan jumlah kes tertinggi yang tidak menerima perkhidmatan guaman dengan jumlah 34 kes.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, statistik kes jenayah di Mahkamah Majistret yang melibatkan warganegara kita bagi tahun 2011 adalah sebanyak 37,595 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 9,440 kes telah menerima perkhidmatan guaman dan sebanyak 17,637 kes tidak menerima perkhidmatan guaman. Bagi Mahkamah Sesyen, pada tahun 2011 jumlah kes yang melibatkan warganegara yang telah didakwa adalah sebanyak 4,789 kes. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, hanya 1,922 kes diwakili peguam dan 1,602 kes tidak diwakili peguam.

Berdasarkan lampiran B yang saya juga akan bekalkan kepada Yang Berhormat nanti. Pecahan kes yang melibatkan warganegara di Mahkamah Majistret mengikut pecahan lelaki dewasa. Secara keseluruhannya, adalah sebanyak 34,414 kes manakala perempuan dewasa adalah sebanyak 3,181 kes. Walau bagaimanapun, pecahan mengikut kes-kes yang menerima khidmat guaman dan tidak menerima khidmat guaman tidak dapat dibekalkan bagi tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor.

Selain daripada tiga negeri tersebut, didapati negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tidak menerima khidmat guaman tertinggi bagi lelaki dewasa adalah di negeri Sabah dengan jumlah 3,054 kes. Sementara untuk perempuan dewasa, adalah negeri Sabah dengan jumlah 376 kes. Sementara itu, di Mahkamah Sesyen statistik mengikut pecahan lelaki dewasa secara keseluruhannya adalah sebanyak 4,425 kes manakala perempuan dewasa adalah sebanyak 364 kes. Walau bagaimanapun, pecahan mengikut kes-kes yang menerima khidmat guaman dan yang tidak menerima khidmat guaman tidak dapat dibekalkan bagi tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan juga negeri Johor.

Selain daripada tiga negeri tersebut, didapati negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tidak menerima khidmat guaman tertinggi bagi lelaki dewasa adalah di negeri Kedah dengan jumlah 186 kes. Sementara untuk perempuan dewasa adalah negeri Melaka dengan jumlah 7 kes sahaja. Perkataan dengan kes yang melibatkan migran yang telah didakwa di Mahkamah Majistret dalam tahun 2011 secara keseluruhannya adalah sebanyak 12,498 kes dan daripada jumlah tersebut hanya 1,245 kes yang diwakili peguam dan selebihnya iaitu 3,868 kes tidak diwakili peguam. Di Mahkamah Sesyen pula pada tahun

lalu jumlah kes yang melibatkan migran yang telah didakwa adalah sebanyak 604 kes di mana 305 kes menerima perkhidmatan guaman dan selebihnya iaitu 190 kes lagi tidak menerima perkhidmatan guaman.

Berdasarkan lampiran C, yang saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat juga nanti pecahan kes yang melibatkan migran di Mahkamah Majistret mengikut pecahan lelaki dewasa secara keseluruhannya adalah sebanyak 12,498 kes. Manakala perempuan dewasa adalah sebanyak 3,560 kes. Walau bagaimanapun, pecahan mengikut kes-kes yang menerima khidmat guaman dan tidak menerima khidmat guaman tidak dapat dibekalkan bagi tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan juga Johor. Selain daripada tiga negeri tersebut, didapati negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tidak menerima khidmat guaman tertinggi bagi lelaki dewasa adalah di negeri Sabah dengan jumlah 1,898.

Sementara untuk perempuan dewasa adalah negeri Pulau Pinang dengan 136 kes. Sementara itu di Mahkamah Sesyen, statistik mengikut pecahan lelaki dewasa secara keseluruhannya adalah sebanyak 528 kes. Manakala perempuan dewasa adalah sebanyak 76 kes. Walau bagaimanapun, pecahan mengikut kes-kes yang menerima khidmat guaman dan tidak menerima khidmat guaman tidak dapat dibekalkan bagi tiga negeri iaitu Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan juga Johor. Selain daripada tiga negeri tersebut, didapati negeri yang mencatatkan jumlah kes yang tidak menerima khidmat guaman tertinggi bagi lelaki dewasa adalah di negeri Sarawak dengan jumlah 57. Sementara untuk perempuan dewasa adalah negeri Selangor dengan jumlah 15 kes. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, jelas hanya 20% daripada kes-kes yang didakwa di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen dapat perkhidmatan guaman. Saya difahamkan bahawa kerajaan telah menubuhkan satu yayasan baru, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan untuk membantu semua orang yang kena didakwa itu untuk dapat perkhidmatan guaman. Saya mahu tanya, apakah dana yang diperuntukkan untuk Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan ini dan adakah ia ini mencukupi untuk melindungi semua kes yang disebut tadi, beberapa ribu ya?

Adakah kerajaan komited untuk memperluaskan Skim Yayasan Bantuan ini untuk seluruh negara dan kekalkannya. Ini kerana pada saya rasa satu yang amat baguslah untuk kita beri lindungan guaman untuk semua orang yang di dakwa. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Untuk makluman Yang Berhormat, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 25 Februari tahun lalu. Pada masa itu, Perdana Menteri telah mengumumkan dana berjumlah RM5 juta dan kita sedia maklum pada bajet yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat tahun lalu RM15 juta telah pun ditambahkan jadi – RM10 juta, *making it a total of RM15 juta* dalam YBGK ini. Pada masa yang sama, Majlis Peguam Malaysia telah pun menyalurkan RM200,000 untuk Yayasan Bantuan Guaman ini.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, sebelum YBGK diperkenalkan perkhidmatan guaman memang diberikan kepada tertuduh tetapi hanya apabila mereka menghadapi pertuduhan di mahkamah iaitu dengan *means test* tertuduh yang hanya dapat *income* kurang daripada RM25,000 sebulan. Mereka yang menerima *income* daripada RM25,000 sehingga RM36,000 sebulan kena bayar RM300. Akan tetapi, dengan pengenalan YBGK ini setakat ini sesiapa sahaja warganegara yang telah pun ditangkap dan di reman boleh mendapatkan perkhidmatan guaman secara percuma. *There is no Means Test* untuk mereka yang ditangkap dan direman.

Kepada mereka, sekiranya mereka kena tuduh di mahkamah selepas itu jadi *the Means Test* akan diperkenalkan dan akan diberikan kepada mereka yang layak *for the Means Test* iaitu yang seperti yang saya katakan tadi. Jadi untuk pelaksanaan lanjut mengenai pelaksanaan Yayasan Bantuan ini, untuk makluman Yang Berhormat sejak 25 Februari pihak berkenaan seperti Majlis Peguam, Persatuan Sabah Law Association dan juga The Advocates Association of Sarawak telah pun menjalankan kursus kepada ahli-ahli mereka untuk berkhidmat dalam yayasan bantuan ini.

Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, pihak Mahkamah Persekutuan Malaysia telah pun mengeluarkan surat pada 30 Mac tahun ini

kepada semua hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret, dan juga Mahkamah Tinggi memaklumkan bahawa khidmat YBGK bagi orang yang kena tuduh yang tidak mempunyai peguam akan bermula pada 2 April tahun ini iaitu kelmarin.

■1050

Jadi, perkhidmatan ini telah pun bermula kepada semua yang ditangkap dan di reman. *So now* Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ada *free legal services* kepada semua warganegara yang ditangkap dan direman. Mereka boleh mendapatkan bantuan apabila mereka ditangkap di balai polis dan pihak balai polis perlu maklum kepada pihak Yayasan Bantuan Guaman dan di situ, peguam-peguam yang telah pun didaftarkan melalui Majlis Peguam akan mewakili mereka yang kena tangkap. Pada masa itu, apabila mereka dibawa ke mahkamah, peguam akan memberikan perkhidmatan daripada situ. Baik, itu sahaja. Sekian.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi *lawyer*, dia beri jurutera pula bertanya. Tuan Yang di-Pertua, atas sebab yang sama akibatnya apabila terdapat lambakan kes-kes yang tidak mendapat khidmat guaman, maka kes-kes ini tertangguh. Satu, slogan yang popular, *quotation* yang popular, '*Justice delayed is justice denied*'. Jadi apabila ini berlaku, ia akan menyebabkan krisis ketidakyakinan kepada sistem mahkamah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapa pihak kementerian tidak menetapkan satu tempoh masa supaya apabila ada ketetapan masa tersebut, segala ikhtiar akan tertumpu pada menyegerakan keputusan kes-kes di mahkamah, tidaklah tertangguh sampai 69 kali, ada sesetengah kes.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, bilakah penguat kuasa kita boleh membacakan hak kepada orang yang akan kena tahan? *For instance* di Amerika, '*you are under arrest*'. '*You have a right to remain silence*'. '*Anything you say will be used or shall be used against you*'. '*The court of law*'. '*An attorney can be appointed on you*'. '*If you cannot afford one, we will appoint to you*'. Ini yang kita katakan hak kepada orang yang kena tahan itu boleh dibacakan oleh penguat kuasa kita. *So*, apa jawapan Menteri kepada soalan saya ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Untuk maklumat... [Disampuk] Yang Berhormat Tangga Batu. Minta maaf ya.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Batu, beliau gigit telinga polis. Saya tidak gigit telinga polis. Saya kata polis bagus kerja. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Baik. *Engineer* juga ini yang jadi *lawyer*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tangga Batu, bahawa *the right of silence* di negara kita ini memang *applicable*. Sesiapa sahaja yang kena tahan oleh pihak *authority* polis boleh *remain silence* dan tidak payah mengatakan apa-apa. Akan tetapi sejak semalam, perkhidmatan guaman secara percuma diberikan kepada semua warganegara sahaja di negara ini. Akan tetapi, ada juga Yang Berhormat bahawa yang tidak mahu mendapatkan perkhidmatan guaman daripada yayasan bantuan ini kerana mereka berhak untuk melantik peguam mereka sendiri. Sekiranya mereka tidak mahu melantik peguam mereka sendiri dan tidak mahu mendapatkan perkhidmatan guaman daripada yayasan bantuan ini, mereka berhak untuk membela diri sendiri. *So this is right. So we have no harm on that.*

Untuk mengehadkan masa dalam satu perbincangan, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian atau pun kerajaan tidak dapat buat demikian kerana tertuduh dalam sesuatu kes itu berhak untuk membuat rayuan terhadap keputusan mahkamah. Ini terpulanglah sama ada keputusan itu dibuat pada masa *interlocutory* atau pun keputusan yang *final*. Sekiranya tidak, mereka perlu membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan dan seterusnya untuk mahkamah atasan untuk membuat keputusan. Jadi ini adalah hak-hak tertuduh dan kita tidak dapat menafikan.

Oleh demikian, jadi kita tidak dapat mengehadkan masa bahawa perbincangan itu akan tamat pada satu tempoh. Akan tetapi, mahkamah telah pun mengadakan *case management* dan dengan itu mahkamah dapatlah menentukan bilakah kes itu akan didengar dan dibicarakan. Jadi, untuk mengadakan had tempoh untuk satu perbincangan, itu adalah tidak sesuai dalam negara kita ini, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan satu?

Tuan Yang di-Pertua: Lain kali Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat, saya tidak nampak Ahli Yang Berhormat Labuan berada dalam Dewan pada ketika ini atas...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mohon satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sudah saya sebut lain kali.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ulangi. Ahli Yang Berhormat daripada Labuan saya tidak nampak berada dalam Dewan pada ketika ini. Atas sebab itu, soalan nombor 5 daripada beliau tidak dapat saya utarakan untuk dijawab secara jawapan lisan.

[Soalan No. 5 – Yang Berhormat Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan) tidak hadir]

6. Dato' Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Klinik Cure & Care dan jumlah pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan serta kesannya kepada pelanggan sehingga kini dan anggota terlibat dan jenis perkhidmatan yang diberikan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini. Buat masa kini, terdapat sebanyak lapan buah Klinik Care & Cure 1Malaysia atau Klinik C&C seluruh Malaysia. Seramai 13,123 orang klien telah mendapat perkhidmatan Klinik C&C dari bulan Julai 2010 sehingga 22 Mac 2012. Klinik C&C ini dikendalikan oleh seramai 504 orang kakitangan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK).

Klinik C&C ini kemasukannya adalah secara sukarela. Ianya tidak perlu mendapatkan perintah mahkamah dan juga tidak mengenakan sebarang prasyarat kepada sesiapa yang mempunyai permasalahan berkaitan dengan penyalahgunaan dadah serta memerlukan rawatan. Seseorang klien yang diberi rawatan adalah sama ada sebagai *inpatient* atau *outpatient* tertakluk kepada keparahannya dalam penagihan atau penyalahgunaan dadah. Di antara jenis perkhidmatan terdapat di Klinik C&C ini adalah berbentuk seperti berikut, pertama menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan bagi klien yang menghidap penyakit kronik, hepatitis, TB, sikosis dan sebagainya.

Kedua, melaksanakan program-program psikososial dalam kelompok klien kepulihan awal, kelompok klien pencegahan *relaps* dan kelompok klien sokongan sosial. Semua program yang dilaksanakan ini adalah dalam suasana bersantai, menyeronokkan dan mudah untuk dilaksanakan yang mana melibatkan klien, ahli-ahli keluarga, kakitangan klinik, pembimbing rakan sebaya serta anggota daripada badan bukan kerajaan atau NGO. Pengisian program adalah berbentuk kaunseling, bimbingan agama dan kerohanian, sukan dan riadah, latihan kemahiran, program kekeluargaan dan program *outing* seperti gotong-royong, berkelah dan berkhemah.

Bagi klien yang terlibat dalam penagihan atau penyalahgunaan dadah tradisional seperti *heroin* dan *morphine*, Program Terapi Gantian Methadone juga disediakan kepada mereka. Bagi klien yang memerlukan perkhidmatan rujukan dan advokasi dari agensi-agensi lain yang dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi seperti Jabatan Agama Islam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital pakar, Biro Bantuan Guaman dan sebagainya, pihak klinik akan merujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan lapan buah Klinik C&C ini adalah lantaran daripada pelaksanaan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang mana matlamat penubuhan ini adalah di antaranya bagi menghindarkan mereka yang terlibat dalam penagihan atau penyalahgunaan dadah terjebak dalam kes-kes jenayah.

■1100

Memandangkan jumlah *client* yang respons untuk mendapat perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah secara sukarela adalah menggalakkan seperti mana yang telah saya nyatakan pada peringkat awal tadi. Ianya telah memberikan kesan yang positif kepada program GPT dan ini sekali gus telah membantu dalam usaha mengurangkan kadar indeks jenayah terutama jenayah jalanan yang mana indeks jenayah jalanan telah menunjukkan penurunan sehingga kini 39.7% dan indeks jenayah keseluruhan di seluruh negara dapat dikurangkan sehingga 11.1%.

Selain itu kejayaan ini juga sekali gus menjadikan mereka individu yang dapat berfungsi sebagai anggota masyarakat yang normal yang dapat menyumbang kepada kehidupan harian dalam kekeluargaan dan juga dalam komuniti. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang jumlah pusat klinik ini adalah lapan dan *client*nya 13,123 dikendalikan oleh 504 kakitangan AADK. Persoalan yang ingin saya tanya adalah di manakah lapan pusat ini berada? Saya lihat di Sabah, Sarawak, di Semenanjung tempat-tempat mana mungkin lapan itu tidak susah untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu dalam Dewan ini.

Keduanya adalah tentang di samping kejayaan mendidik mereka ini adalah indeks jenayah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menurun dari segi penagihan dadah mereka, kalau kita bandingkan dengan rawatan yang diberikan oleh agensi dadah sebelum ini memang kita dapati hampir 2/3 yang menagih semula. Akan tetapi bagaimanakah kejayaan setakat daripada 13,123 orang ini, setakat mana kejayaan mereka tidak ingin pergi semula kepada dadah ataupun hidu gam dan sebagainya setelah mereka mendapat rawatan *care* dan *cure* di klinik ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan klinik yang telah diwujudkan iaitu tempat-tempatnya ialah Sungai Besi, Johor Bahru, Kota Bharu, Bukit Mertajam, Kuching, Papar, Jerantut dan Taiping. Selain itu ada empat mini klinik CMC yang mana saya tidak sebutkan di seluruh Malaysia yang meliputi Miri, Keningau, Besut dan Kinta.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pertanyaan Yang Berhormat Pendang berkaitan dengan penagihan semula. Dalam konteks kita hari ini sebagai mana yang kita sedia maklum bahawa penagihan dadah ini merupakan satu penyakit kronik yang mana pemulihannya adalah proses sepanjang hayat. Makna ianya tidak boleh dipulihkan secara mutlak kerana itulah mereka perlu mendapat perhatian sepanjang hayat mereka dan di mana selain daripada klinik-klinik yang telah diwujudkan oleh AADK, bahawa terdapat beberapa lagi institusi-institusi seperti CCSC iaitu (*Care & Cure Service Centre*) telah diwujudkan juga yang mana menerima berjumlah 363,447 orang. Di mana kebanyakan yang mereka datang secara terbuka dan di sini mereka diberi penerimaan rawatan pemulihan lanjutan kepada kumpulan-kumpulan yang merupakan secara *outreach program*.

Selain itu terdapat juga atas gelombang kesukarelaan hari ni yang mana daripada segi komuniti telah menunjukkan komuniti *house centre* yang ini dikendalikan oleh komuniti bagi menyediakan perkhidmatan bimbingan, khidmat nasihat, sumber maklumat dan rujukan serta advokasi. Selain itu terdapat juga daripada segi program-program yang dilaksanakan di PUSPEN. Dengan ada program-program yang lanjutan, maka hari ini kita dapat melihat mereka yang mendapatkan rawatan seperti ini bahawa mereka dapat hari ini berada dalam keadaan boleh hidup berkeluarga dan juga boleh juga berinteraksi dengan komuniti. Hari ini kita daripada keadaan seperti inilah maka mereka yang terlibat seperti ini boleh dikatakan kebanyakannya yang mana mereka mendapat rawatan secara sukarela maka mereka dengan mudah menghindari daripada gejala-gejala penglibatan awal mereka itu dalam penagihan dadah.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya bila kita melihat Klinik Care & Cure ini dari segi pencapaiannya walaupun

barangkali belum lagi lama dilaksanakan menunjukkan petanda yang positif. Soalan tambahan saya adakah pihak kementerian akan menjadikan pusat-pusat seumpama ini menjadi suatu kios yang bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat dan data bagi kita boleh merancang dari segi proses yang selepas mereka dirawat dengan berkesan dan baik dan kembali kepada masyarakat dan supaya mereka tidak kembali kepada *habit* yang lama dengan menagih dadah dan sebagainya? Ini perlu kepada kita supaya kementerian itu memikir sesuatu tindakan yang membuat sesuatu kaji selidik secara menyeluruh dan berterusan kalau ianya perkara yang baik, adakah kementerian bercadang akan menjadikan ia suatu institut yang berteraskan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kita mengatasi masalah gejala dadah di negara kita ini secara menyeluruh dan jangka panjang. Mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Silam. Sehubungan dengan peringkat bahawa apa yang saya telah nyatakan tadi adalah merupakan transformasi perkhidmatan AADK terhadap penagih-penagih dadah ini. Apa yang kita lihat bahawa kita bercadang supaya apa yang kita laksanakan kita dapat melahirkan di kalangan penagih-penagih dadah ini dapat mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi. Justeru itulah maka untuk memperkasakan lagi di mana hari ini pihak AADK telah pun mengenal pasti beberapa universiti untuk membuat kajian terutamanya daripada pesakit-pesakit ataupun *client* yang dapat rawatan daripada Klinik Care & Cure ini di mana kita boleh melihat daripada status keparahan dan daripada status pemulihan mereka ini.

Jadi daripada kajian-kajian ini nantilah bahawa kita akan membuat respons bagaimana kita dapat mempertingkatkan lagi daripada segi tahap kepuhlian mereka itu.

7. Datuk Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memberi wang sagu hati kepada bekas anggota Pasukan Pertahanan Tempatan (PTT) yang pernah dikerah pada sekitar awal tahun 60-an dan 70-an untuk memerangi pengganas komunis seperti mana kerajaan memberi sagu hati kepada mereka yang pernah bertugas dalam pasukan Home Guard, Special Constable (SC) dan lain-lain.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan belum lagi bercadang untuk memberi wang sagu hati kepada bekas anggota Pasukan Pertahanan Tempatan yang pernah dikerah pada awal tahun 60-an dan 70-an untuk memerangi pengganas komunis seperti mana kerajaan bermurah hati untuk memberikan RM3,000 secara *one-off* kepada pasukan *home guard* umpamanya *special constable* dan lain-lain. Ini kerana sumbangan RM3,000 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada bekas polis sebagai pasukan keselamatan semasa pemerintahan British adalah semata-mata mereka ini baik *home guard*, *special constable* dan lain-lain tidak pernah mendapat apa-apa imbuhan dan ganjaran semasa mereka berhenti daripada perkhidmatan semasa pemerintahan British.

■1110

Lain pula dengan bekas anggota pasukan keselamatan atau PTT yang pernah dikerah sekitar tahun 1960-an dan 1970-an yang mana pembelaan mereka adalah sebagai veteran ATM yang mana kemudahannya diperoleh melalui skim khas, Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan atau kita sebut dengan izin, SBKP yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia.

SBKP merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan veteran ATM dan tanggungan mereka yang memerlukan supaya dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih selesa. Malah, kalau dicampurkan semua bantuan ini, jumlahnya sebenarnya lebih daripada RM3,000 sebab kita beri tiap-tiap bulan. Bantuan ini tidak wujud Tuan Yang di-Pertua dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain. PDRM tidak ada, skim awam pun tidak ada. Jadi ia hanya khusus untuk veteran. Terima kasih.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada anggota ini adalah merupakan anggota pasukan pertahanan tempatan yang dikerah berkhidmat bagi menjaga tempat-tempat

kepentingan awam seperti pusat bekalan air, stesen pemancar radio, lebuhraya dan lain-lain lagi. Kebanyakan daripada mereka ini sebahagiannya diserapkan dalam perkhidmatan angkatan tentera dan sebahagian besarnya tidak dapat diserapkan di dalam angkatan tentera disebabkan oleh masalah-masalah teknikal seperti umur dan sebagainya yang menyebabkan apabila mereka ini telah berkhidmat kadangkala lebih daripada 15 tahun sampai ada lebih daripada 20 tahun tetapi akhirnya apabila sampai masanya, mereka diberhentikan dengan sebegitu sahaja.

Jadi, seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jawapan tadi, menyatakan ada pembelaan kepada bekas anggota pasukan pertahanan tempatan ini iaitu melalui Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan, jadi saya ingin tahu secara terperinci, apakah skim ini dengan lebih jelas lagi supaya mereka yang terlibat ini dapat tahu dan mendapat manfaat? Sehingga kini, berapa banyak yang telah disalurkan pada skim ini untuk memberikan bantuan kepada mereka yang terlibat ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Sekijang. Saya amat faham tugas Yang Berhormat Sekijang apabila berada di kawasan. Saya pun tahu Yang Berhormat Sekijang amat rapat dengan persatuan bekas tentera di kawasan Yang Berhormat. Akan tetapi, elok saya betulkan sedikit.

Pasukan pertahanan tempatan ini dahulu kita tidak panggil wataniah. Kita panggil *voluntary force* sahaja. Memang betul mereka menjaga kawasan-kawasan yang berkepentingan, tetapi mengikut rekod kami, selepas mereka berhenti berkhidmat, mereka diberikan elaun mobilisasi. Kalau mereka diserap sebagai kerahan, sehingga mereka berkhidmat 21 tahun atau 22 tahun dikerah, maka mereka layak menerima pencen yang telah ditetapkan.

Akan tetapi kalau oleh kerana sebab-sebab teknikal zaman darurat dahulu mereka tidak dapat diberikan ganjaran, mereka boleh datang ke Jabatan Hal Ehwal Veteran kerana adalah sukar untuk kita cari. Akan tetapi kalau ada mereka datang tunjukkan *proof*, bukti yang mereka adalah bekas pasukan pertahanan tempatan, kita sedia membantu.

Bantuan yang kita beri, umpamanya kemudahan perubatan di hospital kerajaan memang percuma. Kemudian, bantuan mengurus jenazah dan khairat kematian, mereka juga layak. Mereka layak mendapat RM3,000 daripada RM500. Sekarang sudah RM3,000. Cuma ada orang minta kalau boleh beri *advance* dahulu. Sebelum mati itu beri dahulu. Tidak bolehlah sebab skim itu untuk mereka yang sudah mati. Sudah mati dahulu baru dapat.

Kemudian bantuan sara hidup. Bantuan sara hidup, ia ada antara RM100 ke RM300. Oleh kerana mereka ini agaknya sudah berumur dan tidak berpencen, kita lihat, kita datang lawat, kalau RM300 – maknanya selain daripada bantuan lain, kita tambah RM300 setiap bulan. Kemudian bantuan persekolahan anak. Kalau anak mereka pergi ke universiti, kita beri RM1,500 secara *one-off*. Diploma, RM1,000. Sijil, RM500.

Kemudian, bantuan peralatan pesakit. Kakitangan awam yang lain, baik pulih mahupun awam biasanya tidak layak mendapat peralatan pesakit. Akan tetapi mereka layak mendapat *wheel chair* dan apa semua. Satu lagi, bantuan bencana alam. Rumah kena ribut, terbakar. Pencen awam tidak dapat, pencen PDRM tidak dapat tetapi bekas tentera dapat.

Cuma, saya ingat masalah penyampaian yang mungkin – oleh sebab itu saya minta kawan-kawan daripada sini dan daripada sana beritahu kita jika terjumpa mana-mana veteran yang rasanya tertinggal. Kita tidak mahu mereka tertinggal dan tidak dilihat *inclusive*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini semalamnya saya juga ada bertanya di nombor 66 tetapi tidak sampai sebab akhir dan ia seakan-akan sama. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, setelah saya membaca laporan dan jawapan mengapa bekas tentera pada zaman darurat dan konfrontasi termasuk pasukan bekas pertahanan tempatan ini tidak diberikan imbuhan *one-off*, saya juga tertanya-tanya sebab kalangan mereka ini merungut, mereka merasakan seolah-olah mereka dianaktirikan. Akan tetapi apabila saya membaca jawapan, saya cukup berpuas hati yang mana mereka ini sudah pun diberikan lain-lain imbuhan yang berpanjangan dalam

bentuk jangka pendek dan jangka panjang seperti yang disebutkan sekolah, masuk universiti, *one-off*; bencana alam, sara hidup dan sebagainya.

Cuma saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat, oleh kerana terlalu banyak salah faham, kekeliruan dan rasa tidak puas hati mereka ini, saya cadangkan boleh atau tidak pihak kementerian mengambil inisiatif, saya percaya kementerian Yang Berhormat ada maklumat, data melalui persatuan bekas tentera ataupun kementerian sendiri mungkin ada maklumat, tolong buat penjelasan, jawapan seperti yang dihantarkan kepada saya dan dipos kepada semua mereka yang terlibat.

■1120

Kalau 14,000 tidak banyak. Selalu Yang Berhormat hantar kad raya 30,000 setahun. Ini baru 14,000 mungkin lebih. Saya percaya kalau mereka baca saya rasa perkara ini tidak akan berbangkit lagi.

Satu lagi saya hendak minta Yang Berhormat tarik perhatian bantuan sara hidup ini diberi RM100 ke RM300 yang saya ingat kecil sangat terutamanya bagi mereka-mereka yang betul-betul daiflah yang cacat dan sebagainya. Kalau bolehlah ditimbang lebih sedikit ataupun buat secara pukol rata kalau RM300, RM300 semua ataupun yang minimum itu kerana tidak beban sangat. Akan tetapi yang teruk-teruk ini standard tiga bulan bayar sekali RM600 dia nampak banyak sedikit daripada RM100 sebulan tidak boleh buat apa. Jadi saya mintalah perkara ini dikaji balik. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu cadangan yang amat baik sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam penggal yang lalu penggal yang keempat, kita luluskan Akta Veteran. Sebab melalui Akta Veteran itulah dia wajib direkodkan semua veteran. Jadi kita ada data. Sekarang ini data yang ada pada kita adalah data mereka yang berpencen. Akan tetapi mereka yang tidak berpencen itu tidak wajib untuk mereka berdaftar. Jadi apabila ada akta dan didaftar kita ada majlis. Perkara-perkara ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas supaya kita naikkan apa semua ini memang kita sudah buat dari sudut berskala dan pegawai kita memang buat lawatan, tengok cara hidup dia dan perkara-perkara ini kita buat menandakan bahawa kerajaan prihatin terhadap jasa mereka.

Jadi yang jadi susahnyanya ada pihak-pihak yang cuba mengapi-apikan dan pada waktu yang sama apabila kerajaan boleh bagi RM500 agaknya dia pun cuba juga. Kalau dapat RM500, RM500 ini banyak sangat orang yang terlibat. Mungkin apabila kita sudah bagi orang darurat orang yang tidak terlibat dalam darurat pun dia pula tanya pula. Jadi kita akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan apa pun yang kita buat ia mesti berdasarkan kepada kemampuan. Elok saya bagi tahu Dewan ini bahawa faedah-faedah yang kita bayar pada mereka-mereka yang memerlukan adalah umpamanya RM140 juta untuk faedah-faedah perubatan. RM40 juta kita bagi untuk bantuan pendidikan sekolah. Kemasukan ke IPTA RM35.7 juta kita bagi. Mungkin lebih banyak daripada bantuan IPTA yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya difahamkan Ahli Yang Berhormat Kota Melaka beliau tidak dapat hadir pada sesi pagi ini atas sebab kesihatan yang kurang mengizinkan. Atas sebab itu soalan daripada beliau soalan nombor lapan tidak dapat dikemukakan untuk dijawab secara lisan. Soalan sembilan.

[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka) tidak hadir]

9. **Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]** minta menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah terdapat perancangan untuk menurap Jalan Kuala Lajong sepanjang 15 kilometer bagi meningkatkan aktiviti ekonomi terutama pertanian dan perikanan selaras dengan Program Transformasi Luar Bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Sibuti, kementerian pada masa ini telah komited dalam pelaksanaan projek-projek yang diluluskan di bawah *Second Rolling Plan* RMKe-10. Walau bagaimanapun, kementerian telah

menyenaraikan projek jalan Kuala Lajong sebagaimana yang Yang Berhormat minta tadi sepanjang 15 kilometer di bawah *third rolling plan* RMKe-10 bagi tahun pelaksanaan pada tahun 2013 dan 2015. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kawasan Kampung Lajong di Niah adalah kampung nelayan dan pertanian. Jalan raya 15 kilometer itu adalah berbatu kasar dan jalan berlubang-lubang. Jadi apabila hasil daripada nelayan dan pertanian untuk dibawa ke pasaran sebelum sampai ke pasar pun sudah banyak rosak sebab jalan raya tidak baik. Dengan itu kita mengharapkan bahawa apabila dijanjikan jalan raya ini akan dimasukkan dalam *rolling plan* yang ketiga kita harap itu menjadi kenyataan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sibuti. Harapan Yang Berhormat tadi akan kami ambil kira kerana macam mana Yang Berhormat sedia maklum, kita letakkan rakyat didahulukan. Jadi itu *insya-Allah* dan telah pun saya sebut akan dimasukkan dalam *third rolling plan* kerana keperluan di tempat lain tadi lebih memerlukan. Jadi yang ini *insya-Allah third rolling plan* akan ada. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya berkenaan Kementerian ini kilometer yang lebih kurang sama tetapi bukan di Sibuti. Kilometer 15.3 panjang ini di Pinawantai di Sabah. Minggu lepas saya lalu ke kawasan itu memang teruk sangat. Saya mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana penduduk di situ merayu sampai menangis-nangis suruh saya bagi tahu dalam Dewan. [*Dewan riu*] Betul, betul. Saya beritahu dan saya semak peruntukan untuk jalan luar bandar ini...

Dato' Haji Lilah bin Yasin [Jempol]: Dia menangis sebab Yang Berhormat datang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: ...Ada RM4.6 bilion peruntukan jalan-jalan luar bandar yang katanya *third rolling plan whatever* pelan tidak susahlah tetapi yang ada di sini tercatat ini RM4.65 bilion untuk jalan-jalan luar bandar di bawah Kementerian Yang Berhormat sahaja. Tidakkan tidak boleh buat jalan 15 kilometer lebih sedikit yang kualiti ini bukannya jalan lebuhraya. Saya rasa kalau dibuat pun kawasan itu Yang Berhormat tidak sampai dua tahun balik modal, sebab apa kawasan itu kawasan pelancongan. Dekat dengan Kinabalu, kalau buat pun dua tahun pulang modal, *breakeven*. Saya hendak tahu kenapa perkara ini susah sangat hendak buat ataupun Timbalan Menteri rasa setelah dibangkit ini boleh buat segera. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: ...Saya ingin respons sedikit fasal kenyataan itu tidak betul. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Ranau.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Jalan pergi Pinawantai adalah termasuk dalam jalan berimpak tinggi daripada Ranau ke Kota Marudu dan jalan itu bukan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Itu adalah di bawah Kementerian Kerja Raya. Salah itu. [*Ketawa*]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Itu putar alam sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini layak jadi Menteri Kerja Raya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Pandai bohong.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Dia pandai bohong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ranau, sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Perkara ini dua kali sudah bawa dalam perbahasan dan mendapat jawapan daripada Menteri. *[Ketawa]*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu tidak perlu saya jawab sebab sudah pun dijawab tadi. Cuma Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Dua kali dia bawa kasihan dia itu.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ini bukan soal kasihan. Ini soal konsep kita Rakyat Didahulukan. *[Ketawa]* Jadi ini kemungkinan Yang Berhormat Indera Mahkota tadi seharusnya mengemukakan fakta-fakta yang tepat. Mekanannya di pihak kita Kementerian Luar Badar dan Wilayah akan kami jalankan. Yang Kementerian Kerja Raya dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu bab yang disoal tadi ada hubung kait dengan projek JKR yang telah pun dimaklumkan tadi oleh sahabat saya dari Ranau.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh kita buat?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ya?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh Kita buat? *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin samuri [Ledang]: Yang Berhormat Indera Mahkota salah buku.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Saya ingat yang ini elok pihak Kementerian Kerja Rayalah yang jawab kerana itu projek di bawah kementerian dia. Biar Kementerian Kerja Rayalah.

■1130

Untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, dari segi rekod kita, dalam semua projek-projek yang telah kita rancang, baik daripada tahun 2010, 2011 dan juga tahun ini, semua sasaran yang kita buat adalah melebihi daripada sasaran kita. Ini *on record*, kalau Yang Berhormat Indera Mahkota memerlukan angka ini, saya boleh berikan *on record*. Jadi, yang tertinggal itu boleh dimaklumkan kepada kita, boleh kita masukkan dalam *third rolling plan* ataupun pelan-pelan yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana berjuang untuk kawasan orang lain. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.31 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 86(5) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya seperti yang tertera di no. 1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga Jam 10.00 pagi hari Rabu, 4 April 2012.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ada satu perkara yang saya ingin umumkan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu saya difahamkan bahawa pada hari Isnin, 2 April 2012, empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Tanah Merah, Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah membuat aduan bahawa naskhah Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya tidak terdapat di atas meja mesyuarat. Setelah siasatan dibuat, didapati bahawa penyata tersebut diambil dan dibawa keluar oleh seorang yang bukan merupakan seorang Ahli Dewan Rakyat. Saya telah difahamkan kesemua Ahli Yang Berhormat telah mengesahkan bahawa penyata tersebut telah diambil tanpa kebenaran dan tanpa pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Perkara ini seharusnya tidak berlaku kerana ia akan diluluskan di Dewan ini. Oleh yang demikian, saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat agar mengambil perhatian supaya perkara seumpama ini tidak berulang lagi, kerana perkara ini dibawa ke perhatian saya dan rakaman CCTV nampak nyata, siapa individu yang berkenaan. Jadi, setelah penyiasatan dibuat, individu berkenaan adalah bekerja dengan seorang Ahli Yang Berhormat. Tidak perlulah saya sebut Ahli Yang Berhormat sebelah kanankah atau sebelah kirikah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua kena jelaskan siapa Ahli yang berkenaan, supaya perkara-perkara yang busuk dan keji yang memang sengaja diputarbelitkan oleh pembangkang ini, diketahui oleh umum Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tidak payah Ahli Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau Tuan Yang di-Pertua bersifat macam itu, orang ada tanda tanya, siapa dia? Dia membuat penipuan, pembohongan dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak boleh disembunyikan, siapa dia? Ini buat pembohongan, kerja-kerja keji Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang dituduh itu adalah sebelah kami yang mentadbir, atas alasan mungkin kecuai pegawai-pegawai Parlimen untuk letak. Tidak apalah, supaya perkara ini tidak berlaku lagi, jangan buat begitu. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Barisan Nasional yang buat. Mereka akan putar selama-lamanya bagaimana kita membuat perkara seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading, tidak apa, Yang Berhormat Sri Gading...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apabila dia, Tuan Yang di-Pertua hendak sembunyikan, kenapa Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Kena sebut Tuan Yang di-Pertua, kena sebut. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Siapa yang buat itu? Kita tidak mahu bertanggungjawab?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Kita hendak tahu siapa yang mencuri dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau, sudahlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Bukan tuduhan apa-apa, mereka hendak salinan mereka. Ada, bagi, tidak ada, sudah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini kerana Barisan Nasional selalu dituduh. Jadi, kita hendak jelas, siapa?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Sila Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Balik Pulau, sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya rasa ini satu salah faham, so, saya hendak akui. Memang salah seorang staf baru yang baru bekerja dengan parti. [*Dewan riuh*] Saya rasa...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Parti mana? Bukan alasan...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Dengar dahulu. Saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya jangan berat sangat untuk menghukum staf itu kerana dia memang orang baru, dia tidak tahu peraturan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Minta maaf, minta maaf. Jangan tuduh BN.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak tahu macam mana, banyak naskhah dia ambil, kalau satu tidak apa. Ini banyak naskhah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, sudah. Isu selesai. Sudah-sudahlah Yang Berhormat. Isu sudah selesai. Yang patut ambil tindakan, saya yang duduk di sini kerana saya yang tertuduh dan pegawai-pegawai saya, sudahlah! Sila Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membangkitkan satu Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya ingin merujuk kepada satu jawapan daripada Menteri Dalam Negeri yang bertarikh 29 Mac 2012 mengenai tentang bilangan mereka yang mati di dalam tahanan pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Baru pada hari Sabtu yang lalu, Timbalan Perdana Menteri kita menyatakan bahawa sistem pendidikan adalah lebih baik daripada United States, daripada United Kingdom, daripada Jerman tetapi saya merujuk kepada jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri. Bertulis di sini bahawa, pada tahun 2009, terdapat seramai 14 orang yang mati iaitu terdiri daripada tiga orang dalam tahanan penjara, 7 tahanan polis dan 17 di dalam tahanan di depoh imigresen.

Saya rasa 7+3+7+17 bersamaan dengan 27. Bagaimana mereka boleh bercakap di sini bahawa yang mati pada tahun 2009 hanyalah 14 orang. Pada tahun 2010, seramai 13 orang yang mati dalam tahanan iaitu terdiri daripada seorang dalam tahanan penjara, 9 tahanan polis dan 18 dalam di dalam tahanan depoh imigresen. 1+9+18 bersamaan dengan 28 tetapi dalam jawapan tulis 13 sahaja. Saya rasa ini Matematik yang paling *simple*, murid-murid *Standard 6* pun tidak akan buat *mistake* macam ini. Ini memang mengelirukan Dewan dan saya rasa memalukan Dewan juga. Jadi, saya minta Menteri Dalam Negeri, buat satu penjelasan dan pembetulan kerana barulah Timbalan Menteri cakap, sistem pendidikan kita paling baik di dunia, lebih baik dari US, lebih baik daripada UK, lebih baik daripada *Germany* tetapi Matematik yang paling *simple* macam ini, saya rasa dalam peperiksaan UPSR pun tidak akan buat kesilapan yang memalukan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sering kali baca Peraturan Mesyuarat daripada satu sampai 100. Betapa baiknya kalau ada peruntukan di situ yang memberi kuasa kepada saya yang mengatakan seseorang Ahli Yang Berhormat yang menyalahgunakan peraturan mesyuarat, saya boleh dapat mengambil tindakan yang tuntas dan pantas mengarah keluar. Atas sebab bahawa sengaja untuk melengah-lengahkan persidangan. Kecuali Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tidak faham atau sengaja tidak mahu faham. Peraturan Mesyuarat 36(12) ada kaitan dengan Peraturan Mesyuarat 26(b). Pada ketika perkara itu berlaku, berdiri dan nyatakan bahawa ada penyelewengan.

■1140

Pun demikian, kriteria-kriteria yang harus diambil kira dalam Peraturan Mesyuarat 36(12) amat berat. Pertama, kenyataan itu salah. Kedua, apabila didapati salah tidak

diperbetulkan. Ketiga, ada niat untuk menyeleweng. Jadi, tidak ada alasan apa *prima facie* bahawa ada niat Menteri fasal soal dua, tiga angka menyeleweng. Walau bagaimanapun oleh kerana ini dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat. Saya minta supaya kementerian yang berkenaan buat tindakan penjelasan. Tidak payah dalam Dewan ini, melalui duduk sana di kedai kopi waktu minum pun boleh terangkan kepada Ahli Yang Berhormat Serdang.

Beberapa Ahli: Mana boleh. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Ahli-Ahli Yang Berhormat, sudah. Ahli-Ahli Yang Berhormat sudahlah.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu penjelasan daripada saya.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya hendak tanya, kerana ini jawapan bertulis dari Menteri...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua jumpa di kedai kopi dan bagi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Jadi, saya hendak tahu sekiranya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Serdang duduk dahulu. Yang Berhormat saya tahu.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Biar saya habiskan dahulu Tuan Yang di-Pertua, satu ayat sahaja. [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Timbalan Yang di-Pertua bercakap itu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hanya hendak minta penjelasan dari Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat duduk dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah jenis pembangkang Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sekiranya jawapan ada kesilapan, mana satu peraturan mesyuarat?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Inilah kerja dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, jelas dengan terang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Serdang, duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi pembangkang, inilah jenisnya Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua hendak bagi muka lagi orang-orang macam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat Sri Gading, sudahlah. [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk dahulu. Yang Berhormat Serdang sudah jelas saya kata yang dibangkitkan 36(12) itu tidak berbangkit kerana pengamatan saya kesilapan begitu mungkin ada penjelasan. Peraturan Mesyuarat 36(12) memerlukan satu kriteria penting, niat. Jadi, apabila saya beri penjelasan begitu Yang Berhormat terimalah dengan berlapang dada.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya terima tetapi saya hanya hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau terima bermakna tunggu dengan penjelasan daripada mereka.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hanya hendak dapat sedikit penjelasan. Kalau pada masa yang datang ada kesilapan dalam jawapan Menteri, mana satu peraturan mesyuarat yang kita bangkit? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tunggu dahulu penjelasan. Akan masuk juga dalam *Hansard* bahawa Menteri yang berkenaan, jabatan yang berkenaan sila buat pembedahan. Ini kerana apabila juga pembedahan itu dapat dibuat ia tidak akan berakhir di situ. Nanti ada juga pihak lain yang mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ini cuba juga menyelewengkan Dewan. *Please once, can't your people look at it from my point of view?* Sila setiausaha teruskan.

Puan Neo Nie Ching [Serdang]: Itu saya terima. Saya hanya hendak minta sedikit *guidance* daripada Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Duduklah. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Serdang..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order*, sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mahu mempertikaikan keputusan Tuan Yang di-Pertua tetapi Peraturan Mesyuarat 36(12) itu tidak ada berkaitan dengan Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Oleh kerana latar belakang itu yang berbeza tetapi itu bukan mempertikaikan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Itu tidak ada berkaitan satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasihlah Yang Berhormat Ipoh Timur kerana Yang Berhormat Ipoh Timur telah lama duduk di sini daripada saya. Sila.

USUL

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

11.44 pg.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5) dan keputusan Usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 3 Oktober 2011, maka Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dibentangkan di atas Meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan No. DR 1 Tahun 2012 hendaklah diterima dan dipersetujui."

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Sri Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan Dewan Rakyat pada hari Isnin 3, Oktober 2011 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah Peraturan 81(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang mencadangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dilantik bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan proses pilihan raya Malaysia.

Jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh sembilan Ahli Dewan Rakyat iaitu lima daripada Ahli Barisan Nasional termasuk Pengerusi, tiga Ahli daripada pembangkang dan satu sebagai Ahli BEBAS. Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam bulan. Tumpuan tugas jawatankuasa ini ialah mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mengkaji proses pilihan raya yang bebas sudah adil.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dilaporkan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut telah mesyuarat sebanyak 13 kali semenjak penubuhannya, iaitu pada:-

- (i) 12 Oktober 2011;
- (ii) 1 November 2011;
- (iii) 2 November 2011;
- (iv) 10 November 2011;
- (v) 16 November 2011;
- (vi) 29 Disember 2011;
- (vii) 8 Februari 2012;
- (viii) 6 Mac 2012;
- (ix) 14 Mac 2012;
- (x) 20 Mac 2012;
- (xi) 22 Mac 2012;
- (xii) 27 Mac 2012; dan
- (xiii) 28 Mac 2012.

Cara pendekatan oleh jawatankuasa untuk memenuhi dan menunaikan tema rujukan yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

- (i) menerima cadangan dan input-input dari ahli-ahli jawatankuasa;
- (ii) menerima syor-syor dari pihak awam melalui e-mel dan surat-menyurat yang dialamatkan kepada Parlimen; dan
- (iii) melalui sesi pendengaran awam.

Sebanyak enam sesi pendengaran awam telah dikendalikan oleh jawatankuasa dan sejumlah 106 persatuan pertubuhan berdaftar serta individu telah membentangkan pandangan dan cadangan di hadapan di jawatankuasa. Untuk meneliti cadangan dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh semua pihak, sebanyak lima jawatankuasa kecil telah ditubuhkan dan dipengerusikan bersama oleh dua orang ahli jawatankuasa seperti berikut:-

- (i) meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kangar bersama dengan Yang Berhormat Wangsa Maju;
- (ii) bagi mengkaji proses pilihan raya, dipengerusikan Yang Berhormat Gombak dan bersama dengan Yang Berhormat Hulu Selangor;
- (iii) bagi usaha menambah baik daftar pemilih, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kota Marudu iaitu saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Rasah;
- (iv) memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya, Jawatankuasa Kecil dipengerusikan oleh Yang Berhormat Alor Gajah bersama dengan Yang Berhormat Kuala Krai;
- (v) bagi mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju bersama dengan Yang Berhormat Kapit.

Laporan-laporan Jawatankuasa Kecil dimasukkan di dalam Bahagian V dalam Laporan Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan jawatankuasa yang dibentangkan mengandungi salinan memorandum pihak-pihak yang telah mengambil bahagian serta Penyata Rasmi penyampaian dan perbincangan dalam sesi pendengaran awam yang disertakan dengan laporan ini sebagai lampiran. Ini termasuk memorandum daripada pihak

awam, penyata *Hansard*, ulasan agensi-agensi berkaitan terhadap cadangan-cadangan diterima sebagai penelitian ahli awal jawatankuasa kecil dan juga Penyata Rasmi 13 Mesyuarat yang dijalankan oleh jawatankuasa.

Perkara-perkara yang dilaporkan untuk diangkat sebagai pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah perkara-perkara yang dikenal pasti sebagai perkara pokok dan penting dan boleh dilaksanakan dalam jangka pendek dan jangka panjang oleh SPR dan juga badan-badan serta agensi-agensi yang berkaitan. Setelah jawatankuasa menjalankan tugas selama enam bulan, mengadakan sebanyak 13 mesyuarat dan 6 sesi pendengaran awam, serta mengadakan lawatan kerja untuk tujuan mendapat pendedahan dan meneliti sistem pilihan raya negara maju di United Kingdom, *Germany* dan Denmark, dengan ini membentangkan syor-syor melalui laporan akhir jawatankuasa ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sejumlah lebih 200 cadangan dan idea-idea baik telah dikemukakan oleh pihak awam untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa sebagai penambahbaikan kepada sistem dan proses pilihan raya negara. Perkara-perkara yang diangkat dan dimasukkan dalam laporan akhir ini adalah sepertimana cadangan dan syor-syor yang dipersetujui melalui sebulat suara dan proses belah bahagian. Sebanyak 22 perkara utama adalah diangkat melalui laporan akhir jawatankuasa ini demi menambah baik sistem dan proses pilihan raya negara untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini.

■1150

Harus juga saya tekankan bahawa sebelum ini, Jawatankuasa ini telah melaporkan kepada Dewan melalui laporan interimnya pada tanggal bulan Disember yang lalu. Saya dengan ini merumuskan syor-syor utama seperti berikut mengikut susunan:-

- (i) ia di bawah kepala meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia;
- (ii) mengkaji proses pilihan raya;
- (iii) usaha untuk menambah baik daftar pemilih memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya; dan
- (iv) mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, 18 syor telah dipersetujui sebulat suara oleh semua Ahli Yang Berhormat dan empat syor telah dipersetujui dengan secara majoriti melalui proses undian dan belah bahagi. Maklumat terperinci mengenai proses memuktamadkan syor-syor jawatankuasa terkandung dalam Bahagian VI Laporan Jawatankuasa. Tuan Yang di-Pertua, di bawah tajuk Penambahbaikan Dripada Segi Perundangan dan Pindaan Peraturan, Jawatankuasa memuktamadkan tujuh syor seperti berikut.

Pertama, memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di perwakilan atau secara pos. Jawatankuasa menyusun cadangan dalam laporan interim untuk membenarkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada mengundi awal di Perwakilan Malaysia atau mengundi secara pos. Jawatankuasa mengambil maklum syarat-syarat yang dicadangkan oleh SPR seperti berikut:-

- (a) telah mendaftar sebagai pemilih; dan
- (b) hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun terdahulu sehingga pada tarikh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos atau pengundi awal atau mana-mana yang dapat dikemas kini oleh pihak SPR.

Jawatankuasa mengesyorkan SPR berbincang dengan pihak-pihak berkuasa terlibat dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh laporan ini diterima di Dewan Rakyat bagi membolehkan syarat-syarat tersebut dikuatkuasakan melalui penggubalan kerangka undang-undang yang berkaitan. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan ini juga akan melibatkan pindaan pada Seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981, Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji satu kaedah lain yang melibatkan penghantaran kertas undi melalui pos terus kepada pengundi di luar negara dan menghantar balik kertas undi itu dibuat melalui pos melalui Pejabat Perwakilan Malaysia untuk dihantar terus ke ibu pejabat SPR bagi proses pengiraan undi dan proses seterusnya.

Kedua, memberi kemudahan pengundi secara pos kepada petugas SPR dan media. Jawatankuasa mengesyorkan petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos menurut Peraturan Pilihan Raya Pengundian Pos 2003. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR juga pada masa yang sama melantik lebih banyak petugas pilihan raya daripada tempat mereka mengundi supaya dapat mengurangkan bilangan petugas yang perlu mengundi secara pos. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ahli-ahli pembangkang dalam Jawatankuasa tidak setuju dengan syor ini. Mereka mencadangkan supaya petugas SPR dan media diberi kemudahan mengundi awal.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk seterusnya ialah Pengundi Luar Kawasan. Jawatankuasa menyusuli syor dalam Laporan Jawatankuasa DR3/2011 supaya SPR menyediakan kemudahan kepada pengundi-pengundi yang berada di luar kawasan mendaftar terutamanya dari Sabah dan Sarawak di Semenanjung dan pengundi dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak untuk mengundi di mana-mana tempat mengundi tanpa perlu pulang ke kawasan pendaftaran asalnya.

Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR mengkaji kaedah pengundian terbaik seperti tatacara yang dicadangkan untuk pengundian warganegara Malaysia di luar negara bagi pengundi yang berada di luar kawasan termasuklah kaedah pengundian awal tertakluk kepada apa-apa pindaan undang-undang yang berkenaan termasuklah mana-mana perubahan undang-undang yang diperlukan.

Keempat, membenarkan pendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan membenarkan seseorang warganegara yang layak memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih hanya apabila seseorang itu mencapai umur 21 tahun. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR mengkaji cadangan untuk membenarkan pendaftaran seseorang warganegara apabila mencapai umur 20 tahun untuk didaftarkan sebagai pemilih dan hanya dibenarkan mengundi apabila seseorang warganegara itu mencapai umur 21 tahun.

Untuk menjelaskan lebih pada saat ini, dia hanya mendaftar pada 21 tahun dan proses untuk pameran dan seterusnya mengambil masa antara tiga sampai sembilan bulan dan seterusnya dan kalau pilihan raya diadakan dalam tempoh terdekat selepas dia 21 tahun dia tidak boleh mengundi. Kami Ahli-Ahli Barisan Nasional mencadangkan supaya dia proses pada masa dia 20 tahun tapi hari pertama dia mencapai umur 21 tahun, esok dia boleh mengundi. Ahli-ahli Pembangkang dalam Jawatankuasa tidak bersetuju dengan syor ini. Mereka mencadangkan kelayakan seorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih dipinda daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan dibuat secara automatik apabila mencapai umur 18 tahun.

Seterusnya, perkara kelima – Tarikh Pembubaran Parlimen. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kuasa untuk menentukan tarikh pembubaran Parlimen bukan merupakan kuasa SPR. Mengikut peruntukan undang-undang dan turut mengambil maklum bahawa kuasa SPR hanya dalam menetapkan tarikh pilihan raya setelah Parlimen dibubarkan. Cadangan-cadangan berhasil yang berkaitan dengan ini ialah cadangan untuk menentukan tarikh lebih awal mengenai dengan tarikh pembubaran Dewan seperti diadakan di sebahagian negara yang mengamalkan *proposal presentation* dengan izin. Jawatankuasa mengesyorkan tempoh Parlimen hanya dibubarkan selepas mencapai tempoh empat tahun dan hendaklah diperuntukkan dalam perlembagaan. Itu cadangan pihak sebelah sini bersama.

Seterusnya, perkara keenam – Kerajaan sementara (*caretaker government*) yang banyak dibangkitkan dalam pendengaran awam. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan diwujudkan kerajaan sementara selain kerajaan yang memerintah selepas Parlimen dibubarkan bertujuan bagi memastikan negara ditadbir sementara kerajaan yang baru dibentuk. Jawatankuasa mengesyorkan SPR dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh laporan ini dibentangkan dapat menyediakan suatu garis panduan dan kod etika tatalaku (*code of conduct*) terpakai bagi mana-mana yang kena menjalankan fungsi kerajaan sementara sehingga sesuatu kerajaan yang baru dibentuk di peringkat persekutuan dan negeri. Ertinya sebenarnya ini memang satu subjek yang hangat dibincangkan dan kami

cadangkan supaya pihak SPR boleh mengeluarkan satu *guideline* untuk bantuan pihak mana-mana kerajaan mahupun Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan di peringkat negeri. *It involves everybody*, dengan izin.

Perkara Ketujuh – Penguatkuasaan Peraturan Sedia ada Berhubung Kesalahan Memberi Maklumat Palsu dalam Urusan Pendaftaran. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan menguatkuasakan peraturan sedia ada berhubung kesalahan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat kemungkinan maklumat palsu diberi dalam urusan-urusan seperti berikut.

Urusan pertukaran alamat mastautin di JPN dan urusan pertukaran alamat kawasan pendaftaran di SPR yang merupakan kesalahan di bawah Akta 5 dan peraturan sedia ada. Jawatankuasa mengambil maklum adanya peruntukan dalam Akta Kesalahan Pilihan raya 1954 Akta 5 dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mengadakan peruntukan kesalahan bagi mana-mana orang yang memberi maklumat palsu dalam urusan pendaftaran pemilih dan pertukaran alamat dalam kad pengenalan.

Jawatankuasa mengambil maklum terdapatnya peruntukan di bawah Akta 5 dan Peraturan 25(1) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 masing-masing berhubung dengan kesalahan memberi maklumat palsu dalam permohonan pendaftaran dan permohonan pendaftaran pertukaran alamat di kad pengenalan. Jawatankuasa mengesyorkan perjawatan tambahan diwujudkan bagi menubuhkan satu pasukan penguat kuasa khas SPR dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa SPR tanpa perlu lagi bergantung pada pihak yang berkuasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kepala Butiran Kedua iaitu Menambah Baik Proses Pilihan Raya. Jawatankuasa di bawah tajuk ini telah merumuskan dua syor seperti berikut:-

Pertama 16 – iaitu memanjangkan tempoh berkempen. Jawatankuasa mengesyorkan supaya mengambil kira semua pandangan yang diberi dalam menentukan suatu tempoh minimum tidak kurang daripada sepuluh hari.

■1200

Pada saat ini minimum yang dalam peraturan sedia ada adalah 7 hari. Ahli-ahli pembangkang dalam Jawatankuasa tidak setuju dengan syor ini. Mereka mencadangkan tempoh berkempen harus dilanjutkan kepada 21 hari. *[Tepuk]*

Okey, kedua di bawah kepala ini, nanti boleh dibahaskan, okey. Nanti akses kepada media yang bebas dan saksama. Jawatankuasa mengesyorkan SPR meneliti Fasal 2 Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan yang boleh meminta pihak berkuasa awam untuk memberikan apa-apa bantuan yang dapat dilaksanakan kepada suruhanjaya di dalam menunaikan tugas termasuk kementerian dan agensi berkaitan berhubung dengan hal yang melibatkan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

Di bawah kepala meningkatkan mutu daftar pemilih iaitu kepala butiran ketiga Jawatankuasa ini, pihak Jawatankuasa merumuskan lima syor seperti berikut; pertama membersihkan daftar pemilih yang berterusan ataupun pembersihan daftar pemilih yang berterusan. Jawatankuasa mengambil maklum hasil verifikasi oleh pihak MIMOS yang dilantik oleh Jawatankuasa untuk meneliti daftar pemilih bersama dengan pihak SPR dan Jabatan Pendaftaran Negara serta agensi-agensi yang berkaitan bahawa kajian tersebut menunjukkan usaha pembersihan daftar pemilih secara berterusan dijalankan oleh SPR dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara. Hasil verifikasi oleh MIMOS mendapati tidak wujud pendaftaran berganda ataupun *duplicate registration* bagi setiap nombor kad pengenalan 12 angka yang dikeluarkan oleh JPN. Ini kita telah telitikan.

Jawatankuasa mengambil maklum terdapat di kalangan anggota polis dan anggota tentera yang masih belum memohon MyKad atau MyTentera dan sehingga 20 Mac 2012, terdapat sebanyak 438 rekod anggota polis dan 653 rekod anggota tentera dalam daftar pemilih SPR yang belum mempunyai kad pengenalan 12 angka. In pun sebenarnya sudah menjadi sedikit semula dan dalam tempoh kami bertugas, kami telah meminta pihak-pihak tentera dan juga pihak polis untuk mengemas kini data dan apa yang saya lakukan ini adalah angka-angka yang dalam mesyuarat pihak Jawatankuasa.

Jawatankuasa mengesyorkan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia memantau dan mengambil tindakan berkenaan perkara yang disebut dalam perenggan tadi dalam tempoh 60 hari dari tarikh laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat. Jadi dalam tempoh dua bulan kemas kini apa lagi yang *outstanding* dan pihak kami dimaklumkan sebenarnya kebanyakan mereka ini bertugas seberang laut. Jawatankuasa mengesyorkan supaya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan untuk mengawasi dan meneliti semua usaha penyemakan dan pembersihan daftar pemilih secara berkesan dan melaksanakan tugas-tugas lain yang dirujuk kepada Jawatankuasa tersebut. Kami berpendapat bahawa cadangan ini adalah cadangan yang begitu kukuh sekali untuk meneruskan kerja Jawatankuasa ini pada masa-masa akan datang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, cadangan ialah untuk penelitian daftar pemilih bagi alamat-alamat yang mempunyai ramai pemilih berdaftar. Jawatankuasa mengambil maklum hasil verifikasi oleh pihak MIMOS mendapati ada 324 alamat yang mempunyai lebih 100 orang pemilih dan 934 alamat yang mempunyai antara 51 sampai ke 100 orang pemilih dalam satu alamat. Dalam penelitian Jawatankuasa Kecil, usaha menambah baik daftar pemilih antara faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah seperti berikut;

- (i) Alamat pendaftaran pemilih yang tidak lengkap. Daftar 30 dahulu dan tidak pernah datang kembali untuk *updated*,
- (ii) Alamat pendaftaran pemilih yang terlalu umum yang menggunakan alamat seperti kampung, rumah pangsa, rumah panjang, jalan tanpa butiran nombor rumah yang kebanyakan berlaku di kawasan luar bandar dan setengah bandar,
- (iii) Alamat pendaftaran pemilih yang berkongsi seperti alamat tempat asal ataupun kelahiran atau tempat rumah yang disewa yang tidak dikemas kini setelah berpindah. Satu rumah *over ten years*, banyak orang tinggal, pindah dan tidak *updated*,
- (iv) Diperakui ialah kemungkinan ini alamat pendaftaran pinjaman iaitu alamat yang digunakan oleh seorang pemilih untuk membolehkan didaftarkan sesuatu kawasan pendaftaran yang dikehendaki.

Jawatankuasa memperakui ini dan mengesyorkan supaya SPR mempamerkan dalam tempoh 45 hari dari tarikh laporan ini dibentangkan senarai pemilih yang alamatnya diragui di mana terdapat lebih 50 pengundi dalam satu alamat yang sama untuk memaklumkan kepada pemilih yang terlibat supaya mereka boleh tampil ke hadapan serta membolehkan SPR mengemas kini dan membersihkan senarai tersebut. Ini tertakluk kepada kuasa dan peraturan yang membolehkan SPR untuk melaksanakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Bantahan di bawah kepala daftar pemilih yang berterusan. Bantahan terhadap daftar pemilih yang diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya. Jawatankuasa mengesyorkan satu undang-undang dikaji untuk memerikan SPR kuasa untuk memotong nama pemilih yang telah disahkan daripada daftar pemilih induk (DPI) untuk meminda pemilih dari satu bahagian pilihan raya yang lain berdasarkan kepada aduan yang kemukakan oleh pihak awam dengan bukti yang sah.

Ini bererti kita minta supaya daftar pemilih induk itu dibuka untuk tujuan bantahan bila-bila masa ada tempoh mempamerkan nama-nama baru yang memohon. Ini sebenarnya terjadi sampailah kepada hampir tahun 2000, kita boleh bantah. Jadi ini adalah usaha untuk membantu pihak SPR di mana orang yang mati masih ada di situ dan seterusnya supaya khususnya di luar bandar, orang meninggal, ketua kampung minta turun jalan kaki untuk pergi mendaftar bahawa si anu bin si anu telah meninggal dan ini satu cara dalam pandangan Jawatankuasa membantu SPR untuk mengemas kini walau ia dalam DPI untuk tempoh tersebut berasaskan kepada bukti-bukti yang kukuh.

Seterusnya, kajian ke arah pendaftaran secara automatik di bawah kepala ini. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan ini mempunyai asas yang baik namun ia hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang memandangkan usaha pembersihan daftar pemilih secara keseluruhan perlu diutamakan. Siasatan lanjut mengenai daftar pemilih yang diragui seperti yang dibangkitkan di negeri Sabah serta syor Jawatankuasa berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja perlu

dilaksanakan supaya mencapai matlamat daftar pemilih yang diyakini oleh semua pihak sebelum terlaksananya cadangan pendaftaran secara automatik.

Ahli-ahli pembangkang dalam Jawatankuasa setuju dengan syor ini. Mereka mencadangkan pendaftaran automatik dijalankan secara serta-merta dan ini ada aneh sedikit dalam pandangan saya. Saya bawa ini untuk komen bahawa kalau kita katakan bahawa daftar itu perlu lagi dibersihkan tetapi pada masa yang sama kita galakkan automatik, maka saya rasa itu sesuatu yang *inconsistent* tetapi mereka barangkali ada alasan lagi yang lain.

Seterusnya penggunaan alamat selain alamat bermastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa warganegara yang layak mendaftar mempunyai hak untuk memilih mendaftar di mana-mana pendaftaran berpandukan kepada alamat terkini di kad pengenalan. Adalah menjadi tanggungjawab mana-mana orang untuk menukar alamat di kad pengenalannya di JPN jika telah berpindah ke alamat yang lain. SPR tidak boleh mengambil apa-apa tindakan untuk menukar kawasan pendaftaran mana-mana orang jika orang itu enggan menukar alamat di kad pengenalannya.

Jawatankuasa mengesyorkan supaya parti-parti politik memainkan peranan dalam menasihatkan pemilih menukar alamat pendaftaran yang wajar di JPN sebelum mendaftar sebagai pemilih baru atau mendaftar tukar alamat pusat pengundian dengan SPR. Jawatankuasa turut mengesyorkan supaya SPR mengkaji tatacara dan implikasi peraturan yang diamalkan di negara lain yang membolehkan pengundi memilih antara alamat tetap kampung asal atau tempat lahir atau alamat tempat bekerja, *place of employment* dengan izin sebagai alamat pendaftaran pengundi khususnya di Sabah dan Sarawak. Saya rasa dalam penjelasan laporan Jawatankuasa ini cukup jelas bahawa di Sabah dan Sarawak generasi muda turun ke bandar untuk bekerja dan mereka tukar alamat kerana barangkali beli kereta, beli motosikal atau bayar bil dan apabila sampai 21 tahun hendak berdaftar, dia berdaftar di kawasan alamat terkiniilah.

■1210

Jadi permintaan umum di Sabah dan Sarawak supaya SPR meneliti di mana untuk tujuan tersebut, mereka boleh memilih antara dua alamat tersebut. Difahamkan ia melibatkan perubahan kepada perundangan dan peraturan-peraturan tetapi ini syor Jawatankuasa bersama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kepada tajuk dua sebelum akhir iaitu memperkukuhkan kedudukan SPR. Kami sedia maklum dalam pendengaran awam sepanjang itu bahawa banyak perkara-perkara yang dilemparkan, ditujukan kepada SPR dan di bawah kepala ini pihak Jawatankuasa mencadangkan empat syor untuk penambahbaikan.

Pertamanya, memperkasakan kedudukan SPR. Jawatankuasa mengesyorkan bagi menolak dakwaan tentang ketidakbebasan SPR, pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, anggota-anggota SPR dijalankan sebagaimana pelantikan dibuat bagi Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi. Jawatankuasa turut mengesyorkan supaya diberi kuasa mengadakan bajetnya sendiri, diletakkan dan dipertanggungjawabkan terus kepada Parlimen bagi memastikan isu kebebasan SPR tidak lagi dipersoalkan. Ketiga, di bawah kepala ini Jawatankuasa terus mengesyorkan suatu suruhanjaya perkhidmatan ditubuhkan untuk melantik pegawai sendiri dan diwujudkan satu skim perkhidmatan khusus kepada pegawai dan anggota perkhidmatan SPR.

Seterusnya di bawah kepala yang sama adalah syor penstrukturan dan pengukuhan SPR. Jawatankuasa mengesyorkan berdasarkan kepada beban dan bidang kuasa SPR yang luas, organisasi SPR perlu distrukturkan semula dan diberi kuasa yang sewajarnya bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan oleh badan penguat kuasa SPR sendiri dan mengurangkan penggantungan kepada pihak-pihak yang lain. Keperluan sumber manusia kepada SPR ditambah dan perjawatan sedia ada dinaik taraf serta peruntukan kewangan yang mencukupi diperuntukkan sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa. Kami berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong ini kerana banyak kita bangkitkan kelemahan SPR tetapi pada masa yang sama juga kita tidak membekalkan keperluan-keperluan asas seperti mana yang diperlukan oleh institusi ini.

Ketiga, di bawah kepala yang sama untuk memperkukuhkan kedudukan SPR, ialah memperluaskan akademi pilihan raya. Jawatankuasa mengesyorkan kerajaan menambah sumber manusia yang sedia ada di dalam SPR seperti mana disentuh tadi. Peruntukan kewangan dan kemudahan akademi pilihan raya bagi memastikan matlamat penubuhan Akademi Pilihan Raya khususnya dalam memberi pendidikan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya termasuklah warganegara Malaysia tentang hak mengundi dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Jawatankuasa turut mengesyorkan satu lembaga penasihat yang dianggotai pelbagai parti politik dan wakil NGO kepada Akademi Pilihan Raya.

Seterusnya pengasingan fungsi utama SPR. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiga fungsi utama SPR di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan pilihan raya, menguruskan pendaftaran pemilih dan mengkaji semula bahagian pilihan raya. Jawatankuasa mengesyorkan sebagai langkah jangka panjang, cadangan tiga fungsi utama SPR iaitu untuk menjalankan pilihan raya, untuk menguruskan pendaftaran pemilih dan mengkaji semula bahagian pilihan raya diasingkan kepada tiga badan yang bebas di masa yang akan datang.

Seterusnya adalah syor-syor di bawah tajuk yang kelima iaitu persempadanan, pembiayaan politik dan sistem alternatif. Tuan Yang di-Pertua, di bawah tajuk penambahbaikan dari segi persempadanan, pembiayaan politik atau *political funding* dengan izin, dan sistem alternatif, Jawatankuasa merumuskan empat syor-syor seperti berikut.

Pertama, pengagihan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa mengambil maklum mengenai cadangan supaya jumlah keseluruhan kerusi di Dewan Rakyat diseimbangkan di antara kerusi bagi Semenanjung dan kerusi negeri Sabah dan Sarawak... [Tepuk] Seperti mana diperuntukkan dalam dokumen *Inter Governmental Committee (IGC)* semasa penubuhan Malaysia iaitu Sabah, Sarawak dan Singapura memperoleh 30% daripada kerusi di Dewan Rakyat pada penggal tersebut. Bagi mereka yang tidak berapa jelas dan baca penubuhan Malaysia, ini tujuan Allahyarham Tuanku Abdul Rahman ialah supaya apa-apa perundangan di sini tidak boleh dijalankan tanpa Sabah, Sarawak dan Singapura pada waktu itu. [Dewan riuh] Jadi hak asasinya terjamin.

Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan diperuntukkan 34% daripada jumlah kerusi Dewan Rakyat adalah untuk memastikan seperti mana saya katakan tadi, kuasa seimbang boleh digunakan oleh mana-mana wakil Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan dengan undang-undang dapat dipertahankan. [Tepuk] Jawatankuasa mengesyorkan satu kajian terperinci dibuat atas cadangan ini untuk dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip pembentukan Malaysia.

Seterusnya persempadanan bahagian pilihan raya yang seimbang. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan urusan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri mengambil kira keseimbangan jumlah pemilih termasuk kewajaran kawasan luar bandar, *rural weightage* yang juga memenuhi prinsip satu orang satu undi. Jawatankuasa mengesyorkan SPR menyemak semula Jadual Ketiga Belas - Perlembagaan Persekutuan bertujuan memberi maknanya kepada prinsip satu orang satu undi yang mengembalikan wajar kawasan luar bandar iaitu *rural weightage*. Jawatankuasa mengesyorkan SPR menentukan satu formula yang adil dan saksama berdasarkan satu prinsip yang tetap dalam menentukan jumlah pengundi di sesuatu bahagian pilihan raya dan satu negeri tidak berbeza dengan ketara. Berapa peratus itu terserahlah kepada pihak Dewan Rakyat untuk membahaskan.

Seterusnya peruntukan dana kepada parti politik. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan agar kerajaan mengadakan peruntukan dana kepada parti politik mengikut jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihan raya dalam usaha untuk menyuburkan sistem demokrasi di negara ini serta membendung gejala rasuah oleh ahli-ahli politik di dalam pilihan raya. Ada cadangan seterusnya ialah mengambil kira juga jumlah undi bukan sahaja oleh parti tetapi mereka katakan pada calon-calon yang menang.

Maka dengan itu, Jawatankuasa mengesyorkan kerajaan mengadakan peruntukan dana dan menggubal formula yang sesuai bagi parti politik dan calon yang menang mengikut jumlah kerusi yang dimenangi dan undi yang diperolehi dalam pilihan raya mengikut agihan 50% untuk kerusi dimenangi dan 50% bagi jumlah undi diperolehi tertakluk kepada apa-apa pindaan undang-undang yang berkenaan dan juga kaedah yang akan

digubal. Tujuannya ialah parti-parti politik dan Ahli-ahli Yang Berhormat lebih terlibat untuk mengamalkan prinsip demokrasi dan juga *create awareness* bagi masyarakat generasi muda mendaftar sebagai pengundi dan seterusnya.

Akhirnya syor nombor 22, Sistem Pilihan Raya Baru. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk menambah baik sistem majoriti mudah ataupun dengan izin, *first-past-the-post* sedia ada ataupun mengkaji apa-apa sistem pilihan raya yang lain seperti sistem campuran *first-past-the-post* dengan izin, *and proportionate representation*. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR meneliti cadangan ini kerana ia merupakan perkara yang melibatkan dasar dan perlu dipertimbangkan oleh kerajaan dan melaporkan semula kepada Jawatankuasa seperti mana yang dicadangkan di dalam perenggan 10.7.7 Laporan Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah laporan rumusan yang saya lakukan sebagai Pengerusi bagi semua cadangan-cadangan dan syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa. Saya tekankan bahawa 22 syor itu telah mendapat sokongan sebulat suara bagi 18 cadangan-cadangan dan empat diperolehi melalui belah bahagian. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa atas kerjasama dan kerja keras input yang bermanfaat yang telah diamalkan sepanjang Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya.

Memanglah ada sahaja ketidakpuasan hati bagi pihak rakan bahagian pembangkang. Namun, saya berharap bahawa mereka mengambil kira mereka duduk dalam mesyuarat sampailah ke mesyuarat yang terakhir dan telah bersama-sama merumuskan apa-apa yang telah dibawa di sini. Saya telah bersikap begitu toleransi memberi ruang yang luas termasuklah juga memberi alasan kenapa mereka tidak menyokong mana-mana syor dan dicatitkan undian dan seterusnya.

■1220

Sokongan dan kepercayaan serta sumbangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan mulia ini juga adalah amat dihargai. Banyak yang telah sendiri hadir di hadapan Jawatankuasa untuk memberi maklumat dan keterangan. Saya juga merakamkan penghargaan kepada semua pihak sama ada individu, agensi kerajaan, persatuan-persatuan, parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang telah memberikan kerjasama dengan tampil ke hadapan jawatankuasa untuk memberikan keterangan serta mengemukakan memorandum pelbagai cadangan mengenai penambahbaikan proses pilihan raya negara.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia khasnya Setiausaha Dewan Rakyat dan pegawai-pegawai sokongan di atas sifat dedikasi mereka dalam menghasilkan laporan ini dalam masa yang singkat. Kerjasama yang diberi dan maklumat yang dibekalkan oleh pihak SPR daripada peringkat urusan dan pegawai-pegawai kanan agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi-agensi lain adalah amat dihargai. Jawatankuasa yakin jika syor yang dicadangkan dan laporan ini diterima oleh Dewan yang mulia ini dilaksanakan sepenuhnya ia akan memberi impak besar kepada peningkatan mutu integriti dan keyakinan proses serta sistem pilihan raya negara khususnya di masa akan datang.

Jawatankuasa menekankan bahawa laporan yang dikemukakan ini adalah bukan sekadar respons dan ulasan kepada pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh semua pihak yang terlibat. Ia adalah dalam pandangan kita, pemandu penambahbaikan sistem dan proses pilihan raya agar bertambah mutu dan bertaraf global sesuai dengan agenda transformasi Malaysia.

Pihak jawatankuasa yakin Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak penyelidik dan golongan awam akan dimanfaatkan dalam laporan ini dan bahawa ia akan menjadi satu dokumen asas dan bahan rujukan dari segi dasar, prinsip dan amalan Demokrasi Berparlimen pada masa yang akan datang.

*Ke Sabah ke Sarawak, Semenanjung pun sudah,
menjalankan tugas untuk semua,
laporan PSC tersedia sudah,
disediakan kepada Parlimen untuk ditimbang semua.*

Sekian, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada ahli yang menyokong?

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Peraturan Mesyuarat 30(1) - *Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.*

Tuan Yang di-Pertua, pada semalam saya Ahli Parlimen Rasah bersama Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Kuala Krai telah menulis satu notis kepada pejabat Tuan Yang di-Pertua untuk meminta supaya satu pindaan kepada usul oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menurut Peraturan Mesyuarat 30(1) berbunyi; *"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5) dan keputusan usul yang diluluskan oleh Dewan ini pada 3 Oktober 2011 maka Penyata Jawatankuasa Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai kertas Dewan nombor DR.1 tahun 2012 hendaklah diterima dan dipersetujui dengan memuatkan satu penyata minoriti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Krai."*

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Kota Marudu tadi pihak kita telah memberi kerjasama yang sepenuhnya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...Kepada jawatankuasa ini dengan menghadiri setiap majlis mesyuarat jawatankuasa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, begini Yang Berhormat...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Dalam mesyuarat jawatankuasa kita telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya

Tuan Yang di-Pertua: ...Terangkan kepada saya Peraturan Mesyuarat 30(1) itu apa kena-mengena?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kita hanya meminta supaya satu laporan minoriti dibentangkan bersama-sama dengan laporan jawatankuasa ini dan Tuan Yang di-Pertua pagi tadi telah menolak usul ini.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat 30(1) meminta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dia salah guna peraturan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu, tolong duduk dahulu Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan di sini guna peraturan ini.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Diamlah. Ini peraturan mesyuarat saya.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini salah. Dengar Tuan Yang di-Pertua cakap.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Duduk dahulu, duduk dahulu!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Salah, salah guna peraturan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, belum cakup. Duduk dahulu!

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak berdiri di sini bukan itu. Bukan itu peraturannya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ini *floor* saya.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan, salah guna peraturan. *That's not the point of order! That's not point of order! [Dewan riuh]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Duduk dahulu. Yang Berhormat bukan Tuan Yang di-Pertua. Duduk dahulu!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada kena-mengena dengan maksud ini!

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak ada kena-mengena.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Baca dahulu baik-baik!

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Duduk dahulu!

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Baca dahulu peraturan. Itu bukan peraturannya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya minta...

[Dewan riuh] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apalah! Saya bukan *lawyer* pun saya tahulah.

[Dewan riuh] [Ramai Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri sekarang tolong duduk.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, dengar Yang Berhormat Rasah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang berdiri sekarang tolong duduk. Yang Berhormat Rasah tolong duduk Yang Berhormat Rasah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Let's hear him full.*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya cuma hendak cakap...

Beberapa Ahli: Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain boleh tidak Ahli Yang Berhormat bantu saya untuk senyap dahulu?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Bagi saya cakap dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada kena-mengena langsung!

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tidak kena-mengena itu keputusan Tuan Yang di-Pertua. Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua. Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua! Yang Berhormat Kinabatangan bukan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, dia kena guna peraturan lain hendak berdiri, hendak bercakap bukan itu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Buang Yang Berhormat Kinabatanganlah.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini menyalahgunakan peraturan untuk baca. Salah! Tidak faham. Duduk, duduk. *[Dewan riuh] That's not a law. That's not a point of order.* Salah guna peraturan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Sit down! You are not Speaker,* duduk.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Salah guna peraturan. Duduk pakai otak.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Duduk!

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia salah guna peraturan untuk baca usul dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, yang sedang berdiri itu tolong duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduk dalam jawatankuasa. Salah. *That's not a point of order.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *You desperate point of order.* Guna peraturan lain, guna peraturan lain. Jangan guna peraturan itu untuk bercakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan memesongkan Dewan Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh] [Ramai Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan John Fernandez [Seremban]: *Both of you shut up and sit down!*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri boleh tidak Ahli Yang Berhormat duduk dahulu!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, biar...*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolonglah Ahli Yang Berhormat Rasah duduk dahulu. Semua yang berdiri duduk! Duduk Yang Berhormat Rasah, duduk! Sudah Yang Berhormat, sudah. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Rasah duduk. Saya tahu kerana saya yang mengutus surat kepada Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah baca Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...Untuk timbang balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya buat *ruling* sekarang, sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat 30(1) untuk minta Tuan Yang di-Pertua timbang balik dan bagi penjelasan mengapa usul ini ditolak?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat sendiri tidak bekerjasama macam mana kita bermesyuarat? Tolonglah Ahli Yang Berhormat. Tolong. Peraturan Mesyuarat 30(1) itu dia tidak merangkumi apa yang dibentangkan pada hari ini. *[Dewan riuh]*

Dengar dahulu Ahli Yang Berhormat, tolong dengar! Ahli-ahli Yang Berhormat tolong dengar dahulu. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat usul yang dibawa ini adalah usul penyata jawatankuasa Yang Berhormat sebagai ahli. Tujuannya Yang Berhormat ialah usul itu sama ada diterima majlis atau tidak? Itu usul. Apabila Yang Berhormat membangkitkan 30(1) itu tidak kena-mengena kerana Yang Berhormat, majlis apa lagi saya, tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keputusan sesuatu jawatankuasa khas.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tolong duduk Yang Berhormat. Nanti dahulu Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Kedua-dua Yang Berhormat tolong duduk dahulu.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan hendak minta ubah Tuan Yang di-Pertua, bukan hendak minta ubah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam tolong duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hantar Yang Berhormat Shah Alam keluarlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam tolong duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan hendak tukar, hendak ubah...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hantar dia keluar!

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: ...Hendak *modify* hendak masukkan *minority report*.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat Shah Alam duduk dahulu? Yang Berhormat Shah Alam...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak tambah supaya lebih tepat, lebih mewakili apa yang telah dibahas di dalam jawatankuasa itu. Melengkapkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh Yang Berhormat duduk? Apa Yang Berhormat berkehendakkan adalah supaya menempel *minority report*. Oleh kerana Yang Berhormat bangkitkan peraturan mesyuarat saya minta bantuan betul-betul kepada pengamal-pengamal guaman undang-undang jangan sama sekali kelirukan saya. Kalau saya ada kesilapan perbetulkan saya. Semua kita perbetulkan diri. *Parliamentary practice in New Zealand*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Dengar Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Shah Alam saya belum siap.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, *very well-prepared today*. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Saya belum siap Ahli Yang Berhormat. Tolong ambil ingatan nota. *Parliamentary practice in New Zealand*...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya bagi pujian.

Tuan Yang di-Pertua: ...muka surat 299. *David McGee 3rd Edition*, saya boleh bagi pinjam ataupun Ahli Yang Berhormat buat *research* sendiri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi Yang Berhormat Shah Alam, biar dia faham-faham.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah *heading: Minority or differing views - Sentence pertama*. *There is only one report presented to the House from of committee on each occasion it reports. That is the one adopted is the committee's report by a majority of the committee if need be. There is no such thing as minority report.*

Beberapa Ahli: Betul! Dengar itu!

Tuan Yang di-Pertua: Satu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya cadangkan bagi Yang Berhormat Shah Alam pinjamlah supaya dia faham-faham.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Duduklah Yang Berhormat Kinabatangan! *You* bukan *Speaker*lah!

Tuan Yang di-Pertua: *Erskine May.* Ini untuk perhatian Yang Berhormat Ipoh Barat pasal Yang Berhormat Ipoh Barat *practising lawyer.* *Please,* jangan *confuse* saya. Saya ini orang kampung, mentaliti saya kampung. *Don't confuse me. You help me. Minority report.*

It is the opinion of the committee, as a committee, not that of the individual members which is required by the House. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mahu perubahan, yang harus dibuat oleh Yang Berhormat Rasah dan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 83. [*Dewan riuh*] Peraturan Mesyuarat 83(12)(a). Saya baca. Siapa Ahli Yang Berhormat yang ada ini, tolong baca. Peraturan Mesyuarat 83(12)(a) berbunyi, "*Seseorang ahli Jawatankuasa Pilihan boleh membawa satu penyata bagi ditimbang oleh Jawatankuasa itu dan semua penyata demikian itu hendaklah dituliskan dengan penuhnya dalam peringatan-peringatan mesyuarat Jawatankuasa itu*".

Saya difahamkan bahawa lampiran yang Yang Berhormat bertiga kemukakan kepada saya, lampiran yang kamu buat tidak ada pun dibentangkan dalam Jawatankuasa.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi apa yang saya dapati – nanti dahulu, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: Duduklah! Duduklah! [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ini, pembentangan laporan. *Page 53.* Kamu ada bermesyuarat dan saya difahamkan dan saya baca laporan ini, ada lima belah bahagian. Tujuan belah bahagian adalah untuk memutuskan sesuatu isu. Dalam Majlis ini pun mesti ada belah bahagian. Apabila belah bahagian, keputusan telah sampai, demokrasi mestilah kita berlapang dada untuk terima setelah hujah semua didengar. Akan tetapi nota di dalam sini saya dapati bahawa pada mulanya Ahli-ahli Yang Berhormat tiga orang iaitu Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Gombak dan seorang Yang Berhormat lagi tidak mahu menerima format seperti ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengatakan bahawa format itu terpaksa juga memasukkan *minority report*.

Akan tetapi saya difahamkan bahawa tidak ada pun yang dibawa sana untuk diserahkan. Cuma mengatakan bahawa *by word of mouth.* *We want a minority report, we want a minority report.* Maka, itu disebut di sini, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Krai menolak format penyampaian laporan kerana cadangan untuk memasukkan laporan minoriti bagi mengemukakan isu pokok iaitu daftar pemilih yang gagal dibersihkan oleh SPR dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah ditolak oleh majoriti Jawatankuasa. Jadi bermakna, dalam Jawatankuasa, Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun berbahas. Dalam perbahasan itu, Tuan Pengerusi betul menggunakan peraturan mesyuarat sehingga ada belah bahagian. Jadi, Ahli Yang Berhormat, apabila kita mengambil kira semua ini kerana ini membangkitkan peraturan mesyuarat, kuasa mana yang saya boleh gunakan yang Yang Berhormat bertiga suruh saya untuk menerima usul yang dibentangkan dan kuasa mana dalam sini yang Jawatankuasa ini berhak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu. Saya belum siap. Satu lagi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pergilah gigit polis lagi!

Tuan Yang di-Pertua: Ini mentaliti orang kampung, pendapat orang kampung. Saya buat *research* mengenai dengan *minority report.* Saya dapat tahu bahawa untuk perhatian semua, dalam perbahasan di Parlimen New Zealand pada tahun 2000. Pada tahun 2000, *volume 589, page 6,893 that meeting was presided by Speaker Hunt.* Ini dia kata. "*There's no such thing as a minority report. There's only a report presented to the House by a Select Committee. The minority or difference views of members will be indicated in the report.*" *It's already indicated in this report that you didn't agree to the format, because you wanted to put minority report.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu, saya belum siap.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hoi, Yang Berhormat Gombak! Duduklah Yang Berhormat Gombak! Dalam parti PKR pun tipu!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, saya juga belum siap.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya hendak... Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh saya betulkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Sini bangun dalam Parlimen buat apa? [*Dewan riu*] Hoi, Yang Berhormat Gombak! Duduklah Yang Berhormat Gombak!

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, Yang Berhormat Gombak. Duduk, Yang Berhormat Gombak. *Now, what I found very interesting is the comment by the Speaker. Dia kata "a minority doesn't have a blank check to include whatever they wishes in a report." Please refer to this iaitu perbahasan tahun 2000 di Parlimen New Zealand, volume 589 page 6893. Jadi, bermakna tindakan saya untuk menolak usul Yang Berhormat untuk menokok tambah bukan saya buat-buat. Semua ada authority kecuali Yang Berhormat bertiga ini, bagi saya a different authority that convince me more that your opinion is right.* Sila, Yang Berhormat Gombak.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain tolonglah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Gombak tidak layak duduk dalam Dewan pun. Apa Yang Berhormat Gombak ini mahu sembang? [*Dewan riu*] Yang Berhormat Gombak tidak layak, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong diam, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai, boleh Yang Berhormat Padang Serai duduk? Saya menjemput Yang Berhormat Gombak untuk bercakap dan berhujah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia ini tidak layak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, tolong duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini Yang Berhormat Gombak ini penipu! Dalam pemilihan PKR pun dia tipu! [*Dewan riu*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, sudahlah Yang Berhormat Padang Serai. Duduk!

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Diamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Balik Pulau, sudahlah Yang Berhormat Balik Pulau. Sila.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tipulah dalam pemilihan parti. Sini mahu cerita pasal demokrasi. Malulah, Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Ada...

Seorang Ahli: Sudahlah!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Ahli Yang Berhormat yang lain. Sudah. Sila, Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua ada sebut satu *authority* tadi yang mengatakan *minority report*...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Parti pun tipu! Sini mahu tipu lagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...*May be indicated* dalam Laporan Jawatankuasa. Akan tetapi dalam Laporan Jawatankuasa yang dibentangkan tidak dilaporkan pun. Hanya disebut cadangan kami itu ditolak. Akan tetapi laporan itu tidak

dimuatkan dalam laporan terakhir yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada pagi semalam. Ini yang kami minta supaya Tuan Yang di-Pertua pertimbangkan.

Yang kedua, tidak ada mana-mana peraturan mesyuarat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini perompak mahu jaga bank.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...yang menghalang untuk....

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Bodoh punya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...*Minority report* ini dimuatkan. Kalau pun tidak ada menjadi amalan sebelum ini tetapi tidak ada peraturan yang menghalang...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, macam kasi jaga bank kepada perompaklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Supaya *minority report* ini dapat dibentangkan. Sebab itu kita minta Tuan Yang di-Pertua pertimbangkan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini untuk kebaikan semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini kerana pandangan yang kita terima melalui pendengaran awam itu adalah pandangan-pandangan yang baik ke arah penambahbaikan proses pilihan raya.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jadi, adalah adil untuk kita bentangkan dalam Dewan Rakyat untuk diperbahaskan. Bukan ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Mana yang boleh dibahas dan mana yang tidak boleh dibahas? Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua teliti balik perkara ini.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat jika apa yang dibangkitkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: [*Bangun*]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [*Bangun*]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ...Oleh Yang Berhormat Gombak tadi ada *precedentnya* seperti yang diberi contoh oleh Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi, kita tidak ada masalah. Akan tetapi tidak ada *precedent* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Disebut di dalam laporan Menteri, di sebut dalam laporan Menteri, ditolak. Ditolak oleh Jawatankuasa. Tidak ada *precedent*, Tuan Yang di-Pertua. Jangan buat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ditolak setelah belah bahagian!

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada *precedentnya*, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ada *precedentnya*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, boleh Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dulu sekejap.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Precedent* yang mana? PKR? Itu PKR *precedentnya*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Sudahlah Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Tangga Batu tidak faham apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua pun. Yang Berhormat Tangga Batu berleter sahaja. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, tolong duduk dulu. Tolong duduk dulu, Yang Berhormat. Tolong duduk dulu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [*Menyampuk*]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak ada *precedent*, jangan buat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sudah buat kajian, Tuan Yang di-Pertua dah buat penyelidikan, kita terima dengan baik. Kita terima dengan berlapang dada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya belum *respond* lagi kepada apa yang saya utarakan tadi.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau Yang Berhormat Tangga Batu tidak faham, duduk dulu! Dengar perbahasan! Yang Berhormat Tangga Batu tidak payah campur tangan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini hendak menegakkan benang yang basah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Kota Belud, duduk dulu, Ahli Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita tengok Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Saya ada *precedentnya*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Menteri datang dengan dua contoh *authority* yang cukup baik. Dua contoh yang cukup baik untuk kita jadikan *precedent*. Itu amalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini Yang Berhormat Tangga Batu hendak jadi Speakerkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu, tolong duduk dulu, Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Gombak bangun tiada amalan. Tiada amalan. Kita jangan buat. Kalau buat kita sesat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, duduk dulu, Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua sudah bawa daripada New Zealand, *Erskine May*, macam-macam Tuan Yang di-Pertua cerita tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, sudahlah Yang Berhormat Padang Serai. Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya terpaksa *respond* kepada Yang Berhormat Gombak. Sudahlah!

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bantu Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, Yang Berhormat. Saya *respond* kepada Yang Berhormat Gombak. Nanti saya jemput Yang Berhormat kalau peraturan mesyuarat.

Yang Berhormat Gombak, sebelum saya menulis surat untuk buat tindakan kepada ketiga-tiga orang Ahli Yang Berhormat, saya memikirkan, saya buat *research*, saya

telah mengambil kira semua yang perlu diambil kira. Akan tetapi apabila saya tanya dengan Setiausaha sendiri, "Adakah *minority report in a writing form submitted to the committee?*"

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: *The answer is, "No." The reason why I ask is because...*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu. Nanti dulu, Yang Berhormat. Nanti dulu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong duduk Ahli Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua bukan ahli PKR untuk Yang Berhormat Gombak tipulah.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Ahli-ahli Yang Berhormat diam dahulu sehingga saya selesai? Peraturan Mesyuarat 83(12) membenarkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk *report* sedemikian dibentangkan. Menurut peraturan mesti *paragraph by paragraph* apa yang harus dibincang, apa yang telah dikemukakan, mesti dibuat. Selepas itu kalau tidak ada persetujuan, belah bahagian. Saya dapat tahu dalam *report* ini belah bahagian lima kali. Antaranya ialah format kerana format yang diminta oleh Yang Berhormat Gombak pada ketika itu ialah apa kiranya *report* tersebut mengandungi *minority*? Bermakna dibuat sebagai lampiran sahaja tetapi kalaulah tujuan supaya mesej daripada pembangkang itu dapat diketahui, Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Jawatankuasa *in verbatim*. Semua yang dihujah A sampai Z dia punya koma, noktah, koma bertindih dan sebagainya *in verbatim*. *It is not hidden.*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *If verbatim is good enough then why do you need a report?* Bagi verbatim sahajalah. Bagi verbatim. Tidak payah *report*. *[Dewan riu]* *That shows*, itu menunjukkan perlukan dalam *report* yang merupakan *summary*. *[Dewan riu]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat..

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Minta saya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua ada *precedent*, ada kajian.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri duduk dahulu, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada *evidence* daripada *Parliament Australia*. *Parliament Australia, yes, yes.*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua saya hendak rujuk kepada jawapan Tuan Yang di-Pertua tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua telah memberikan ulasan dan *response* kepada hujah saya. Akan tetapi ini salinan *minority report* yang kita cadang untuk dimuatkan. Memang benar secara bertulis kita tidak dapat kemukakan dalam peringkat Jawatankuasa kerana Pengerusi dan Setiausaha Dewan menolak keras daripada awal lagi. Namun Tuan Yang di-Pertua, isu yang kita bangkitkan memang ada perbincangan dalam jawatankuasa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Seperti isu undi ragu 42,000. Itu memang ada perbincangan panjang dalam peringkat Jawatankuasa Pilihan Khas. Begitu juga proses belah bahagi. Proses belah bahagi yang tidak mengikut peraturan. Itu juga yang... [*Dewan riuh*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau beginilah keadaannya Tuan Yang di-Pertua, kita ubah sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Tidak payah buang masa.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua dia sahaja hendak sebut. Tidak bijak mereka antara sebutan dengan laporan...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Isu memang berbincang panjang di peringkat jawatankuasa. Akan tetapi bila kita hendak kemukakan secara bertulis, Setiausaha dan Pengerusi menolak daripada... [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tutup *microphone* Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [*Bangun*]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak payah lagi memperjelaskan apa-apa yang telah dijalankan oleh mereka...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini semua alasan untuk tolak. Memang ini yang berlaku setiap hari dalam PKR.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Tidak terima alasan kita. Sudahlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi tidak dibuat secara bertulis kerana Setiausaha dan Pengerusi menghalang kami untuk berbuat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu kami cadangkan bahawa usaha kami ini telah ditolak dan tidak dibenarkan. Itu faktanya Tuan Yang di-Pertua tetapi isu memang kita bincangkan panjang. Undi hantu, undi ragu, belah bahagi yang tidak mengikut peraturan. Ini semua dikemukakan di dalam *minority report*. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua supaya tahu latar belakang sebenarnya dan jangan mendengar hanya kepada satu pihak. Beri peluang kepada kami untuk memberikan latar belakang apa yang berlaku, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Tumpat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini semua wujudlah dalam PKR, pemilihan PKR. 160 pertuduhan masih tidak jawab sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kinabatangan duduk Yang Berhormat Kinabatangan. Saya beri kepada Yang Berhormat Tumpat. Yang Berhormat Kota Belud duduk.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, selepas Yang Berhormat Tumpat beri saya.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua telah bertanya dan memohon supaya Ahli-ahli Yang Berhormat turut membantu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Tentang kes-kes di mana di dalam Parlimen dalam dunia, *report minority* ada dibentangkan dalam Dewan atau Majlis. Saya hanya menggunakan khidmat Parlimen kita dan melihat bahawa pada 9 September 2011, ada laporan dalam satu *Parliament Commonwealth* di Jamaica yang melaporkan... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap, Yang Berhormat. Sila teruskan, sila.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Dalam Tahun 2011 ini Tuan Yang di-Pertua, yang mana laporannya berbunyi dengan izin...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: *Minority report prepared by opposition members of Parliament Public Administration and Appropriations Committee (PAAC)* yang bersamaan dengan PAC kita, *examining the first supplementary estimate of expenditure was yesterday laid in the House of Representative.* [Tepuk] *After it was initially blocked by government members.* [Tepuk][Dewan riuh]

Beberapa Ahli: Jawab, jawab.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya tanya itu laporan Jawatankuasa kah ataupun... biasa sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk dahulu.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan Jawatankuasa, apalah. Hendak mengelirukan Dewan. Hendak pesong lagikah? [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: You ingat apa? Bodoh tidak faham-faham.

[Dewan riuh]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya dengar Yang Berhormat Subang. *After* Yang Berhormat Subang *no more*, *after* Yang Berhormat Subang *no more*.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sebut tadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua kena buat keputusanlah kita cadang pun tidak boleh... [*Dewan riuh*]

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat sudahlah.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini orang bodoh, macam mana hendak bahas? Dia bodoh sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana hendak bincang dia bodoh.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Orang bodoh sahaja panggil orang lain bodoh. [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang saya kata bodoh, 'Raja bodoh' dia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah Ahli Yang Berhormat. Saya mendengar kepada suara penghabisan daripada Yang Berhormat Subang. Selepas itu saya buat ketetapan dan ketetapan itu saya tidak akan ubah. Sudahlah. Silakan Yang Berhormat Subang. [*Tepuk*]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua memberi penjelasan dan memberi gambaran kepada Dewan yang mulia ini bahawa daripada teks-teks ataupun ayat-ayat yang dipetik tadi, kedudukan *parliamentary practice* yang kita patut ikut adalah bahawa tidak ada ruang untuk *minority report*. Itu jelas daripada penjelasan tadi. Saya ingin cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, dengan hormat bahawa penjelasan itu tidak tepat dan tidak betul dan saya tidak tahu apa niat untuk memberi penjelasan itu sebab 36(12) pun terpakai kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin beri satu contoh Tuan Yang di-Pertua. Dengan penuh hormat, *you give things just now there is no minority report*. Tadi disebut daripada Yang Berhormat Tumpat contoh daripada Jamaica. Saya pergi sekarang kepada *the mother of the Parliament, House of Commons* yang kita selalu gunakan sebagai tunjuk ajar. Jadi tidak ada apa-apa keraguan tentang amalan ini.

Year 2007, House of Commons menubuhkan *Select Committee* atas tajuk *abortion* dan minta mereka kaji dan buat satu laporan. Dengan jelas ada *minority report* yang dibuat oleh ahli jawatankuasa *committee* itu. Saya sebut *committee here. I am just reading now*. Saya baca dengan izin, laporan daripada komentar atas laporan ini dengan jelas *there is no doubt* ada *minority report*. Petikan daripada *commentary* daripada NGO bernama *Christian Medical Fellowship. The Christian Medical Fellowship has dismissed as 'deeply flawed' a Parliamentary Select Committee Report on abortion and instead pointed people to the minority report tabled by MPs Nadine Dorries and Bob Spink, which it says gives a more objective and balanced overview of the scientific evidence. The House of Commons Science and Technology Committee, chaired by Liberal Democrat*. Itulah jawatankuasa.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ini peraturan apa, dua orang ini berdiri macam patung? Tidak tahu duduk, duduklah. [*Dewan riuh*]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bangun*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: *I have heard*. Sudah Yang terhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *If you want*, kalau Tuan Yang di-Pertua perlu lebih contoh, kita boleh bagi.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dua orang ini berdiri kerana apa? Tidak faham peraturan. Dua orang ini duduk. Tuan Yang di-Pertua suruh dua orang ini duduk ini.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk 99...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *But what you have said just now is completely wrong.* Ruang untuk *minority report* ada tetapi di dalam Jawatankuasa mereka dinafikan hak itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua boleh minta *permission*.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99. "*Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua peraturan mesyuarat ini...*"

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkan Yang Berhormat yang berdiri duduk...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: "*Atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali...*"

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Can you please stop the interruption, I have the floor...*

■1250

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jika ada usul bersendiria menentang keputusan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *can you please play your role and stop the man. I have the floor...*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: ...Menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You send him out.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, dari suatu masa ke satu masa boleh gugurkan fatwa-fatwa berkenaan dengan perkara-perkara itu. Dua-dua bodoh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri tolong duduk! Yang Berhormat Subang duduk, semua duduk.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Padang Serai, duduk dahulu Yang Berhormat Padang Serai!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *I am speaking, I am interrupted. Can you stop the interruption? Not stop me, you stop the interruption.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Okeylah. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, tolong duduk! *I have enough all these.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tolong duduk! Ahli Yang Berhormat, saya kadang-kadang layan. Oleh sebab apabila saya tidak layan, *if I shut you all off*, bermakna seolah-olah saya tidak bagi ruang untuk bagi pendapat kepada saya. Akan tetapi bukankah ada juga peraturan mesyuarat mengatakan dalam peraturan mesyuarat kita,

Peraturan Mesyuarat 43. Kalau keputusan Speaker tidak diyakini bawa usul tetapi Yang Berhormat Subang terang-terang depan saya menasihati kepada saya walaupun dia gunakan istilah *with all your respect, I don't take*.

Seorang Ahli: Tidak ada *respect*lah! Tipu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: *I don't take*. Malahan dia mengatakan kepada saya, 36(12) pun boleh dikenakan sama saya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Eh, kurang ajar itu! Kurang ajar itu!

Tuan Yang di-Pertua: Kalaulah saya tengok peraturan mesyuarat, *that is the worst kind of statement that can be level against a Speaker sitting in the Mesyuarat. [Dewan riuh]* Sudah! Ahli Yang Berhormat, *I don't want to listen to anybody anymore regarding this because I've made the decision through the letter which I have sent to the three Ahli-ahli Yang Berhormat*. Sudah! Sekarang ini, terbuka untuk dibahas. Sesiapa mahu ikut bahas...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *you just said just now* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Berdiri untuk bahas!

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat. *No, no, no. I'm not doing anymore.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *The basis of your decision, the basis is your decision is there is no scope for minority report.*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, Tuan Yang di-Pertua repot...

Seorang Ahli: *Precedent* yang telah pun katakan oleh Yang Berhormat Subang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua memulakan pandangan daripada Setiausaha Dewan yang merupakan sebahagian daripada ahli-ahli jawatankuasa.

Seorang Ahli: Sebab Tuan Yang di-Pertua kata tidak ada ...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain duduk!

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Kenapa tidak pakai perkara ini daripada kami? Dia hanya sebahagian daripada jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini saya panggil untuk berbahas!

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: ...Dan dia telah mengambil sikap dalam jawatankuasa itu untuk menolak pandangan kami. Mana boleh begitu? Sebab itu kami bawa tiga orang kami bawa!

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, saya merujuk kepada Yang Berhormat Ipoh Timur. Ada peraturan mesyuarat. Sila duduk Ahli Yang Berhormat yang lain.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya punya laporan tentang minoriti repot di New Zealand. *[Dewan riuh] I'll show you.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, tadi pun ada berkenaan dengan ada menjemput pandangan dan saya ingat pada 31 Disember *[Disampuk]* apabila saya cuba untuk kemukakan satu usul pindaan kepada usul untuk menerima *interim report*. Tuan Yang di-Pertua ada buat keputusan bahawa inilah *against the fundamental spirit of the* usul oleh sebab tidak relevan. Itu apa yang mustahak ialah relevan, *relevancy of* pindaan ini. Tadi kita ada tunjuk bahawa adalah *minority report* dan ini adalah pindaan yang dibuat oleh ketiga-tiga anggota daripada PSC dan bukan *against the fundamental spirit* tetapi antara sebahagian daripada prosiding. Oleh sebab itu perlulah lebih lengkap bahawa Tuan Yang di-Pertua timbang semula dalam perkara ini oleh sebab adalah minoriti repot dan adalah *relevancy* mengikut Peraturan Mesyuarat 30 untuk pindaan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bagi pandangan Tuan Yang di-Pertua? Kota Belud...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ...Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bagi pandangan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sebelum Yang Berhormat Kota Belud, Kuala Selangor dahulu kalau...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta satu minit?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang boleh dibuat oleh Majlis ini ialah bahas. Kalau Majlis bersetuju bahawa laporan ini terus dihantar balik kepada jawatankuasa untuk dibuat pembetulan, itu terpulang kepada Majlis selepas dibahas. [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan dahulu bercakap Ahli Yang Berhormat. Ini telah juga berlaku di Parlimen New Zealand yang mengatakan sedemikian kerana usul ini saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Timur. Usul biasa saya boleh timbang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur mengenai dengan *relevancy* 31. Akan tetapi ini Laporan Jawatankuasa.

Selepas itu Majlis yang belum pun bahas perlu dikasi tokok tambah. Itu sebab saya kata tidak ada ruang *because* kadang-kadang Ahli Yang Berhormat yang paling mengingatkan kepada saya dengan peraturan itu seperti Jamaica, *check* dahulu Yang Berhormat sama ada peraturan mesyuarat yang membenarkan begitu. Kerana kita langsung tiada. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak ialah konvensyen.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya diizinkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tolonglah Ahli Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat, saya tidak mahu lagi dengar...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Apa hujah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah! Ahli Yang Berhormat sekarang...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya hendak sebutkan *New Zealand Parliament* Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang saya minta untuk perkara ini dibahas. Siapa mahu bahas, berdiri. Sila!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu laporkan *minority report* di *New Zealand Parliament* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

12.55 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pertama sekali, saya ingin merakamkan terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain sila duduk. Yang Berhormat Kinabatangan sedang berhujah sekarang. *[Dewan riuh]* Sila!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, *New Zealand Parliament, minority report* di sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kota Marudu...*[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak melaporkan kepada Dewan yang mulia ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Iaitu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Satu *minority report* di *New Zealand Parliament*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak duduk...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...Tuan Yang di-Pertua, yang bersangkutan dengan apa disebut...

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kinabatangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya berhujah...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, yang bersangkutan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: ...Bermakna Yang Berhormat ingkar dengan apa yang saya sebut...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...*Commissioner Dr. James Wright*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya mencelah...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...Meminta supaya *committee*..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hina...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Meminta supaya *Select Committee*...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, pencelahan!

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: ...Supaya laporan *Select Committee* dibaca bersama dengan *minority report*. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun] [Ketawa]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, *New Zealand Parliament* Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat Kuala Selangor. Sudahlah Yang Berhormat Kuala Selangor. Sudahlah...

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, laporan *Select Committee* dan *minority report* ini di baca sekali....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan hujah saya, tanpa ada gangguan. Ini apa ini? Manusiakah apa ini? Ada lupakah, tak adakah?

Tuan M. Kula Segaran A/L Murugesoni [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan sahajalah Ahli Yang Berhormat. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam bukan manusia, tidak tahu peraturan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam lupa-lupa saya berdiri, duduk berdiri, apa pasal?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh saya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk dahulu, Yang Berhormat Kuala Selangor duduk dahulu. *Point of order. Be specific what you want to do.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk Peraturan Mesyuarat 35(1). Sebelum Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Bukit Gelugor telah memohon agar *on point of order* juga. Saya pun ada dengar.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, ya, ya...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mengikut Peraturan Mesyuarat 35(1).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah membuat ketetapan bahawa saya tidak mahu dengar mengenai dengan isu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *Point of order, point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: ...*Minority report.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, kita belum dengar apa perkara yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *point of order* satu demi satu sudah habis satu-satu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *We have not heard what* Yang Berhormat Bukit Gelugor *want to say* Tuan Yang di-Pertua *with the respect.* Tuan Yang di-Pertua, *cannot make a conclusion on the matter.*

Tuan Yang di-Pertua: *Sit down. Out of respect, I will give you a chance. Please, listen to you.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak payah ambil tindakan terhadap Tuan Yang di-Pertua di bawah peraturan mesyuarat 36(12). Tidak payah pergi ke Jamaica, kepada UK, US, New Zealand. Apa yang penting adalah peraturan mesyuarat dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua sudah rujuk kepada beberapa peraturan mesyuarat. Saya rujuk kepada peraturan mesyuarat 90(1) dan saya baca itu. *Except with the consent of Tuan Yang di-Pertua, the House shall not proceed upon any Bill, amendment, motion or petition which, in the opinion of Tuan Yang di-Pertua, would suspend the Standing Orders of the House or any of them.*

Ini adalah satu langkah yang baik. *Suspend the standing orders* Tuan Yang di-Pertua, dan memberi peluang kepada... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong senyap. Sila, sila teruskan, sila.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, *invoke this suspension of the standing orders.* Ada Tuan Yang di-Pertua peraturan yang boleh digunakan. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua *invoke Standing Order 90(1)*? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Ahli-ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 90, *I will not*

have any... menggunakan itu kalau ini bukan penyata jawatankuasa Yang Berhormat. Ini penyata jawatankuasa yang telah pun bermesyuarat dan mempunyai keputusan. Sama ada keputusan itu *unanimous* kah ataupun ada belahan bahagian, *that is* keputusan. *I cannot do it. I can't use that because that* Peraturan Mesyuarat 90, bermakna *you are pulling it stretching*. Macam mana kita boleh *interfere* sebagai Majlis, sebagai Tuan Yang di-Pertua dengan satu penyata yang mempunyai keputusan. Keputusan itu cuma percanggahan ia adalah format iaitu *minority report*. Itu pun ada belah bahagian. Apabila itu kita tidak hormat Yang Berhormat, bermakna saya melanggarlah peraturan mesyuarat. *This, Standing Order 90* boleh saya timbang gunakan dengan lain-lain perkara, bukan penyata. *We will be doing grave mistake* Yang Berhormat. Semua kamu harus fahami. Bukan oleh sebab umpamanya dengan pendirian politik, *you drag me into a situation whereby you force me to accept. I can't*. Kerana kalau umpamanya boleh diterima...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Apa beza bagi saya? *It will be assenting deviated*. Sama ada masuk atau tiada.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu minit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah! Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, sila teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Satu minit sahaja untuk saya baca.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kecewalah dengan apa yang berlaku disalahgunakan oleh pihak...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa pertikaian ini bermula daripada contoh-contoh yang Tuan Yang di-Pertua bawa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini lagi satulah. Cakap apa ini?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua yang mengeluarkan *statement-statement* mengenai *precedent-precedent* di tempat lain. Kami ambil *exception* apabila...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, masa sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam menunjukkan jam 1.00 untuk makan tengah hari. Bukan saya berhentikan mesyuarat kerana kekecohan, untuk makan tengah hari dan Yang Berhormat Kinabatangan sambung pada jam 2.30 petang nanti.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Makan kita boleh tangguh Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara penting. Makan kita boleh tangguh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Okey, kita sambunglah.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan buat sementara waktu sehingga jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih. *[Dewan riuh]*

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Kinabatangan untuk meneruskan perbahasan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 30(1) membaca bersama dengan Peraturan Mesyuarat 90.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa lagi Yang Berhormat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh saya bangkitkan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau isu tentang pertikaian usul ini, saya tidak lagi ingin merubah keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Pada saya jelas pagi tadi sebelum Parlimen berhenti rehat bahawa usul bantahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang usul yang dibentangkan hari ini telah pun diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua dan keputusan itu adalah keputusan untuk meneruskan perbincangan ini. Saya tidak berhasrat untuk mengubah sebarang keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya terima itu dan saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi saya ingin sebut ini dengan izin sebab kita ada masa satu jam tadi dalam masa rehat untuk dapat fakta yang mungkin boleh bantu Tuan Yang di-Pertua dalam keputusan ini. *That's why I'm just asking* dengan izin, kita bagi untuk membantu. *[Dewan riuh]* Apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum kita tangguh untuk makan tengah hari, untuk alasan atau pun asas keputusan dia adalah bahawa tidak ada amalan *minority report* di Dewan ini dan hujah yang digunakan untuk menyokong adalah amalan daripada rujukan di New Zealand.

Dalam masa satu jam setengah, masa rehat tengah hari dan makan, kita ada masa untuk selidik sedikit apakah hakikatnya. *What is the reality* dengan izin di Komanwel di seluruh dunia dan ini akan membantu Tuan Yang di-Pertua keputusan yang akan dibuat nanti. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua tadi dengan jelas mengatakan pindaan yang dibawa oleh ketiga-tiga Ahli Parlimen Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Kuala Krai adalah untuk membawa *minority report*. Jadi, hujah Tuan Yang di-Pertua adalah amalan *minority report* tidak wujud dan atas alasan itu saya tolak. Baik, kuasa itu ada, kita terima tetapi kuasa itu harus dilaksanakan dan diketahui secara umum, dilaksanakan pada asas yang betul dan benar.

Jadi, kita di sini ada masalah sebab siasatan yang kita sudah buat menunjukkan memang anggapan. Mungkin Tuan Yang di-Pertua tadi telah terima nasihat yang kurang tepat. Itu mungkin dia. *I think this is probably what is happened*. Jadi, apa yang kita dapati dan kalau tidak, tidak apalah kita boleh dibetulkan. Amalan di *Commonwealth*, Australia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor duduk Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Di New Zealand sendiri yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri. Di United Kingdom, *mother of Parliament* yang kita ikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Di Kanada, semua Parlimen ini yang memakai sistem Komanwel dan *Westminster Democracy* menerima *minority report*. Jadi, apa yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tadi mungkin dia terima nasihat yang tidak tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So, saya minta sebab itu ini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya tambah sedikit lagi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini untuk kekalkan kemuliaan Dewan ini, kekalkan kemuliaan kerusi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, saya faham Yang Berhormat, saya faham.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya minta tanggapan atau pun yang digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua alasan itu tidak betul dan...

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Peraturan mesyuarat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Keputusan itu harus dikaji semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik Yang Berhormat. *You're on point of order*, sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Ya, that's why I said...*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akhirnya *we accept the* kuasa adalah kerusi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, ada peraturan mesyuarat. Masih peraturan mesyuarat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua kena buat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain sila duduk. Yang Berhormat Kuala Selangor duduk Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. *On point of order*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *I finish first*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order*. Ya, duduk Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So*, apa yang penting Tuan Yang di-Pertua bukan sahaja untuk pembangkang, untuk semua kita semua adalah Ahli Dewan ini. Keputusan Tuan Yang di-Pertua haruslah betul, munasabah dan berasaskan fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Apa yang kita dapati sekarang tanggapan atau fakta yang digunakan itu tidak benar. *So*, nasihat yang diberi tidak tepat, tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jadi, alasan bahawa tidak ada amalan *minority report* tidak betul dan tidak boleh digunakan untuk menolak pindaan yang dicadangkan tadi. Kuasa untuk pindaan ada dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, cukup-cukup.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Peraturan Mesyuarat 30.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Saya faham Yang Berhormat, baik. Saya mendengar tadi bahawa alasan yang digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat sebentar. Untuk tidak menerima laporan minoriti itu juga berlandaskan kepada *Erskine May* daripada rujukan-rujukan di parlimen-parlimen Komanwel. Maknanya tidak berbangkit isu bahawa keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua pagi tadi bercanggah dengan kebiasaan yang dilakukan Parlimen-parlimen Komanwel.

Bukankah tadi juga Tuan Yang di-Pertua telah merujuk dua, tiga buah buku termasuk *Erskine May*, termasuk peraturan kebiasaan yang dilakukan oleh beberapa negara Komanwel, juga berlandaskan kepada kebiasaan yang berlaku di Parlimen-parlimen Komanwel. Maknanya penolakan Tuan Yang di-Pertua itu tadi tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan dan kebiasaan-kebiasaan yang berlaku di negara-negara Komanwel.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi fakta itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maknanya Yang Berhormat - Baik Yang Berhormat, *your point*, kita terima alasan Yang Berhormat tetapi alasan Tuan Yang di-Pertua juga tidak salah dalam konteks ini Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *No, no. There is a fakta.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi Yang Berhormat, saya ingin jelaskan lagi bahawa...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: New Zealand tidak ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya ingin jelaskan lagi bahawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak berhasrat untuk mengubah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin meneruskan hujah saya. Diamlah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tanpa *ruling* daripada 36(12) tadi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Seminit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mereka tidak faham itu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak betul langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat. Kalau Tuan Yang di-Pertua berbuat silap dalam perkara ini...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau Tuan Yang di-Pertua dinasihatkan secara tidak salah, kita harus bantu dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ini ada Yang Berhormat mengikut peraturan mesyuarat. Bukan berbahas begini Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Saya faham tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, seminit sahaja.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *We can't allow this House to...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*. Saya harap Tuan Yang di-Pertua teruskan dengan peraturan mesyuarat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua buat *ruling*.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Kinabatangan boleh berbahas.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Ruling apa, ruling apa?*

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kalau tidak bersetuju, pembangkang boleh buat usul.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Izinkan saya Yang Berhormat Kangar.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apa *ruling*, *ruling* apa?

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: ...Pembangkang boleh buat usul kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Ruling* saya, saya tidak berhasrat untuk mengubah keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk meneruskan perbincangan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak apa, tidak apa. Saya cukup memahami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Untuk meneruskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri MOSTI.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Betul. Tuan Yang di-Pertua, sementara saya mengaku perkara yang diputuskan itu, saya minta untuk saya membacakan kerana Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah lah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Membaca daripada pengalaman New Zealand *Parliament* dan saya ada bukti bahawa... [*Dewan riuh*]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua pohon kita teruskan perbincangan sebab ini buang masa. Dia boleh bangkitkan dalam perbincangan nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta agar kita teruskan perbincangan kita ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Untuk saya baca sahaja.

Seorang Ahli: Pohon Yang Berhormat Kinabatangan teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Memang ada penuh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh berucap...

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh... [*Dewan riuh*] Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dan saya berhasrat untuk [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain... [*Dewan riuh*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ketika mengizinkan perbincangan, Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gunakan butiran itu dalam perbincangan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini keputusan Yang Berhormat. Sebelum Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan, saya mengajukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Baca penuh-penuh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil.....

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:Tuan Yang di-Pertua, *please*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Untuk berterima kasih kepada kerajaan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: ... Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Di Parlimen New Zealand mengizinkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jawatankuasa ini iaitu telah mencadangkan beberapa perkara yang boleh menguntungkan rakyat negara ini ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bacaan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya panggil Yang Berhormat berucap selepas ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak ada, tidak ada. Baca penuh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang boleh menguntungkan rakyat negara ini dalam melaksanakan amanah iaitu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terus, terus...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Be fair*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam menjalankan kewajipan untuk memangkah ataupun mengundi dalam pilihan raya..

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Parlimen New Zealand...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Antara lain, ianya banyak menyumbang ke arah memberi ruang yang lebih luas kepada pengundi-pengundi khususnya di luar bandar iaitu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya minta supaya mengizinkan kita merakamkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di mana saya melihat selama ini pengundi-pengundi Sabah yang berada di Semenanjung tidak ada ruang untuk mengundi. Ini merupakan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, *please*, kita mahu berbahas secara bertamadun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kangar ada peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini gangguan sahaja, tidak ada apa masalahnya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Nanti bahas sangatlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43. Kita tahu mana-mana keputusan ada yang tidak puas hati disebutkan di sini dengan terangnya, saya baca. "*Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat ataupun Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu*".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sebab itu saya katakan tadi Yang Berhormat ...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Kalau tidak puas hati, keluarlah usul, dia bagi dua hari. Apa yang kita dok bising sangat? Malulah orang tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Sebab itu awal tadi saya katakan keputusan...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Malu kalau rakyat Malaysia tahu keputusan kita dibuat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jika ada tidak puas hati dengan keputusan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh dibuat melalui usul, *very clear*. Sekarang saya minta diteruskan perbahasan.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Subang, apa ini tidak patuh pada peraturan mesyuarat?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh tukar hitam jadi putih, putih jadi hitam, tidak boleh, itu lebih malu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Buat usullah Yang Berhormat Subang, buat usullah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Lagi malulah, lagi malulah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Fakta langsung tidak betul, *how can this be the decision?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cukuplah, saya hendak bahas ini.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Peraturan Mesyuarat 90 Tuan Yang di-Pertua, di mana "*Kecuali dengan persetujuan Tuan Yang di-pertua, Majlis tidak boleh membincangkan apa-apa rang undang-undang, pindaan, usul atau rayuan yang difikirkan oleh Tuan Yang di-Pertua akan merentikan kuat kuasa peraturan-peraturan mesyuarat atau mana-mana jua daripadanya*". Jadi apa yang hendak saya bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk menangguhkan perkara ini sehinggalah dapat diselesaikan masalah pindaan yang telah kita kemukakan semalam, sebab alasan yang dikemukakan dalam penolakan itu tidak jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Asasnya tidak ada. Apabila disebut bahawa ada *authorities* ataupun *precedent* yang lain, kita juga telah kemukakan banyak *authorities* ataupun *precedent* yang lain yang lebih *current*, yang terkini yang menunjukkan *minority report* boleh dikemukakan dalam perbahasan Dewan Rakyat bersama dengan laporan yang terakhir. Persoalannya mengapa Barisan Nasional takut *minority report* ini

dimasukkan? Ini untuk penambahbaikan proses pilihan raya. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua membenarkan laporan minoriti ini dimasukkan dan dimuatkan sebelum memulakan perbahasan pada petang ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh beri pandangan sikit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar. Isu ini telah pun dihuraikan oleh Yang di-Pertua tadi, sudah dihuraikan. Alasan Yang di-Pertua untuk tidak menerima laporan minoriti itu telah pun diperjelaskan oleh Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, tidak betul itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalnya sekarang ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju dengan alasan Yang di-Pertua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bukan tidak bersetuju, perkara itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jadi Yang di-Pertua telah pun membuat keputusan sebelum berehat tadi bahawa perbahasan ini – Yang di-Pertua telah memutuskan untuk meneruskan perbahasan.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Maknanya Peraturan Mesyuarat 43 *applicable*. Jika Yang Berhormat berfikir bahawa Yang di-Pertua melakukan kesilapan, buat itu dalam bentuk usul.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bukan kami tidak bersetuju, perkara itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tugas saya adalah untuk menyambung, melancarkan perjalanan Mesyuarat ini.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang di-Pertua juga beritahu dia minta bantuan kita untuk membantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebelum rehat tadi, Yang di-Pertua telah memutuskan untuk meneruskan perbahasan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya hendak meneruskan hujah saya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi Yang di-Pertua minta kami bantu. Jadi kita hendak bantu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak, hormati Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya dengar Yang Berhormat Gombak mengatakan Barisan Nasional takut.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita bukan takut. Laporan minoriti pun ada dalam ini. Apa yang kita bimbang?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya hendak tunjuk bahawa ada Parlimen di New Zealand pada 17 Februari 2010...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, sebab itu saya katakan bahawa ...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang ini pun bolehlah pembangkang sebar di luar sana. Bolehlah sebar di kampung-kampung dalam ceramah. Apa yang hendak dibuat kat sini?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *Volume 660* muka surat 8947 di mana Speaker Dewan Rakyat di New Zealand membenarkan laporan minoriti dibentangkan dalam Parlimen.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak tidak hormatlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jadi saya minta supaya perkara ini juga diamalkan dalam Parlimen Malaysia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Yang Berhormat Gombak dah jadi bodohlah!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Itu sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, penolakan tadi pun tidak salah Yang Berhormat. Ia juga mengikut kepada kebiasaan Parlimen-parlimen.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi tidak ada alasan yang kukuh, alasannya tidak kukuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ahli Yang Berhormat Gombak, apa ini? Mahu jadi monyetkah?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Alasannya dia kata, dia rujuk dengan Setiausaha Dewan. Takkanlah sumbernya dari Setiausaha Dewan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Speaker kata dia orang kampung, banyak tidak tahu, hendak minta tolong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Perkara ini telah pun dibahas di dalam Jawatankuasa.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita hendak bantu dia, dia tidak setuju!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kami Ahli Jawatankuasa tetapi tidak setuju.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keputusan Speaker pun dah dapat, apa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tidak benarkan lagi Yang Berhormat kecuali kalau kita hendak biarkan keadaan huru-hara macam ini. Kalau mengikut keputusan saya sekarang ini, saya mengekalkan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua tadi. Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan untuk meneruskan perbincangan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tan Sri Yang di-Pertua sebut pendiriannya adalah kerana perkara itu tidak wujud *precedent*, kita buktikan wujud *precedent*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini bukan isu tafsiran Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ini bukan isu tafsiran, *it's not interpretation*. *Interpretation* kita boleh terima tetapi ini Speaker bertindak atas landasan tidak ada fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah bentangkan tadi.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, jangan buang masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah bentangkan tadi, telah pun dicatat dalam hansard. Cukuplah!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya teruskan hujah saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu buang masa dengan Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Gombak, tidak faham-faham langsung! Keputusan Speaker adalah muktamad, jadi biarlah, bahaslah, bawa usullah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Mereka boleh bawa hujah ini di dalam hujah mereka, debat dan bahas mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini peguam? Peguam apa ini? Peguam tidak boleh pakailah!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua lihat muka surat 53 dalam laporan yang dibentangkan pada pagi ini, jelas menunjukkan bahawa perkara pertama yang kita bantah ialah format laporan kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Telah pun diputuskan dalam itu. Saya baca itu dan telah diputuskan. Bantahan Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Maknanya, jadi alasan yang digunakan oleh Speaker tadi bahawa perkara ini tidak dibawa dalam Jawatankuasa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak, saya pun baca. Lima kali belah bahagi, apa yang jadi *argument*?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kita dah bawa, kita dah bawa dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dah pun dicatatkan dalam sini. Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Gombak...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Telah dicatat, betul tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pandangan Yang Berhormat telah pun diluahkan di sana dan diputuskan oleh Jawatankuasa untuk menolak itu, dah dicatatkan pun.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri pagi ini memberi alasan bahawa perkara yang terkandung dalam *minority report* tidak pernah dibincangkan dalam Jawatankuasa, tidak betul.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Keputusan Tuan Yang di-Pertua muktamad.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Maknanya alasan penolakan itu tidak betul.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak betul bawa usul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu isu lain Yang Berhormat, isu lain. [*Dewan riu*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Kalau Tuan Yang di-Pertua tengok muka surat 53, jelas dinyatakan yang kami tolak kerana formatnya itu tidak memuatkan laporan minoriti. Maknanya kita bincang dalam Jawatankuasa. Siapa kata kita tidak bincang? Akan tetapi oleh sebab dia sumbernya ialah Setiausaha Dewan... [*Dewan riu*]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Pembangkang bercakap fasal hujah dia hendak cover sahaja. Hendak masuk dalam internet, hendak mengelirukan rakyat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Apa ini Yang Berhormat? Ini semua Yang Berhormat takut. [*Dewan riu*]

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kalau pembangkang hebat, bahas. Bahas Yang Berhormat Gombak, rakyat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta untuk perbahasan diteruskan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak payahlah, tidak payah layan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pada peringkat ini, saya tidak ada keputusan lagi. Tidak akan berubah keputusan yang telah dibuat. Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya menyambung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ada pengalaman Speaker di New Zealand.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Gangguan-gangguan sebegini adalah gangguan-gangguan disengajakan yang hanya membuang masa.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Izinkan saya baca sedikit sahaja, satu minit. Saya hendak bacakan, Parlimen di New Zealand... [*Dewan riuh*] Dengar, satu minit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak, ini saya punya *floor*.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Satu minit, satu minit. Okey, Yang Berhormat Kinabatangan duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh berucap macam ini. Sekarang ini *floor* Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Kinabatangan bagi saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, dia bagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk amalan yang berlaku di Parlimen New Zealand.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengarlah dulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gombak sekarang dalam mencelah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43 tidak membenarkan dia buat ulang kaji.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Bukan ulang kaji.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Tidak membenarkan dia komen, ini bukan pasar.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ini bukan ulang kaji. Ini bukan Tadika KEMAS, ini Parlimen. [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak apa, dia minta penjelasan saya, nanti saya jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Sekarang ini Yang Berhormat Gombak meminta jalan daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, saya terima.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak hujah alasan penolakan usul kami untuk pinda itu tidak berasas.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tidak boleh! Mana boleh!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Pertama, alasan yang digunakan bahawa kandungan *minority report* tidak pernah dibincangkan dalam Jawatankuasa. Saya telah membuktikan bahawa perkara-perkara yang terkandung dalam *minority report* ini ada dibincangkan dalam Jawatankuasa.

■1450

Akan tetapi bila format itu tidak dibenarkan dimasukkan di dalam laporan itu yang kami buat belah bahagi, bukan soal isu yang dibincangkan, itu yang pertama. Yang kedua kalau dikatakan tidak ada amalan di negara lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Dengar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Di Parlimen New Zealand, pada 17 Februari 2010, kita boleh merujuk *volume 660 page 8947*, dengar. *Honorable Clayton* menyebut daripada Parti *Labour*...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 20 saat Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Dengan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 20 saat lagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Okey.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*I seek leave to table the minority report on the interim report written in respect of the Sentencing and Parole Reform Bill, which was blocked by National and ACT members*". Samalah pengalaman kami ini di mana *minority report* ditolak oleh parti pemerintah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akan tetapi satu ralat, apa kata Tuan Yang di-Pertua, ini Speaker New Zealand bukan Speaker kampung, bukan Speaker Malaysia. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengar, dengar, dengar.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Biadab, Yang Berhormat Gombak biadab!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Speaker...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini biadab!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengar dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Dengar dahulu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Degil betul.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa jawapan Speaker? Speaker sebut...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Nampak sangat kebodohan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: "*Leave is sought to table that document*". Apa lagi? [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Maknanya Speaker...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ini biadab! Yang Berhormat Gombak biadab! Biadab!

[Tepuk] [Dewan riuh]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tolonglah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Selamat kembali, selamat kembali.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri, duduk. Yang sedang berdiri duduk!

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Tidak ada hormat Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan duduk, semua duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup sabar mendengar itu sebab saya terpaksa masuk. Jadi tindakan saya adalah seperti berikut; menurut Peraturan Mesyuarat 42, kalau Speaker bercakap semua senyap, menurut Peraturan Mesyuarat 43 *decision speaker final*. Saya dengar tadi disebut oleh Yang Berhormat Kangar. Siapa yang ingkar melengahkan majlis diambil tindakan. Di atas sebab itu, saya sekarang mengarahkan Yang Berhormat Gombak keluar, Yang Berhormat Subang keluar, Yang Berhormat Kuala Selangor keluar...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bangun]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You are disgrace to that Speaker.*

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan]: Semua keluarlah!

[Semua Ahli Yang Berhormat kerajaan dan parti pembangkang bangun] [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *Speaker, give me the floor. Give me the floor.*

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat, tidak ada, tidak ada. Saya sudah cukup bersabar kepada Ahli Yang Berhormat. Tidak ada.

Seorang Ahli: Semua keluar, semua keluar!

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan meneruskan mesyuarat jika bentara tidak keluarkan mereka.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Speaker boleh pergi ke New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu Yang Berhormat, itu sebab saya bertindak begini...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: ...Dengar dahulu. *[Dewan riuh]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Menghentak buku ke meja]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak bukan segala-galanya... Ahli Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *Don't be too personel* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan berganjak daripada keputusan ini...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya ikut peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, sudahlah! Yang Berhormat tidak mengikut peraturan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya ikut peraturan.

Seorang Ahli: Halau semua.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa salahnya?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *You* ingat ini apa?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Keluarlah! Keluar semua!

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan Yang Berhormat apa dalam kepala habiskan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...*Sit down!*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa salah saya?

Tuan Yang di-Pertua: *It doesn't disturb me a bit.* Teruskan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa masalahnya?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Speaker..

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa salah saya?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Speaker. *You*, Tan Sri buat keputusan...

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Keluarlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah membuat keputusan.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak mahu dengar...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa macam mahu dengar kalau begini?!

Ahli-ahli Pihak Kerajaan: Keluar! Keluar!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Speaker...

Tuan Yang di-Pertua: *Yes, okay finished it all!* *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...you are Speaker!*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain...

Seorang Ahli: ...*You abuse your power.*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: *All of you finished?* Habis semua?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua tidak ada di dalam Dewan pun, satu.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Pakai radar kah? Pakai setiausaha kah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Kemudian Tuan Yang di-Pertua *challenge* kita, *you challenge, give us the evidence, give us the procedure. We give the precedent, what do you do? You* buat salah, *you* minta maaf, *you* minta *precedent*... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Cool down, cool down.*

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You* minta *precedent*, kita bagi Parlimen New Zealand...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Menyampuk]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Australia.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya, Speaker...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keluar *you!*

Tuan Yang di-Pertua: *Okay, can you all sit down?*

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: *Stay calm.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Get out!*

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: Liwat! Liwat! Liwat!

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Penyokong-penyokong, keluarlah!

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Keluar, keluar, keluar. [Dewan riuh]

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Letak jawatan! Malu! Minta maaf dahulu. Saya minta Speaker minta maaf...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: [Menyampuk] *You should respect the Chair!*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Malu!

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Respect the Chair...*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Minta maaf dahulu. Saya minta Speaker minta maaf pada kami baru kami duduk.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Biadab.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Saya minta Speaker minta maaf, kamu telah buat kesalahan, minta maaf.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua minta *precedent*, kita bagi *precedent*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keluar.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Akur kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *Based on the principle. Is that wrong?*

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak hendak dengar semua-semua ini, sandiwara ini.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua ulang tiga kali. Tunjuk buku tadi. Minta *precedent*. Sekarang kita sudah bagi *precedent*, apa lagi keputusan Tuan Yang di-Pertua? [Dewan riuh] [Ketuk meja]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Keluarlah.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tiga kali.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, jangan layan, jangan dengar Ketua Pembangkang ini. Penipu besar!

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Keluarlah.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Pembohong.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Pembohong.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Putar belit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Keluar, keluar, keluar. Keluar kau.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Maknanya keputusan tadi...

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: Putar belit...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: ...Keputusan tadi batal minta penjelasan.

Seorang Ahli: Jangan kira.

Seorang Ahli: *Decision have been made!*

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Baliklah, balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan batal. Saya punya keputusan di bawah Peraturan 43. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *That's it.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi dibenarkan tukar Speaker lain.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Asas itu tidak tepat. Alasan tidak tepat. *[Dewan riuh]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *The other Speaker allowed. Speaker lain mana? [Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Alasan keputusan tidak betul. *[Dewan riuh]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Speaker lain mana.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, oleh kerana saya sudah buat keputusan.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau Speaker buat salah mengaku sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang ini saya mahu buat keputusan lagi iaitu mereka tidak sudi untuk berbahas, saya mahu belah bahagian sekarang. Boleh?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya.

Seorang Ahli: Ya memang pun. *Apologies. Apologies.*

Seorang Ahli: Takkan hendak pertahankan...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Bagi *instruction. Look at...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Speaker leave the chair!*

[Dewan riuh]

[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *Be fair. Kota Marudu. We are taking up the floor untuk major issue. Don't ever be subjected and subdued under interruption.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bangun]* Bentara jalankan tugas bentara.

Seorang Ahli: Kita belum habis. Bentara jalankan tugas. Jalankan tugas bentara.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Apa belah bahagi apa. *Debate* pun belum. Belah bahagi apa? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. *None of you interested or listen,* tiada.

Seorang Ahli: Eh *you listen to the* Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jangan buat tuduhan. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *Leave the chair! Leave the chair!*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Leave the chair. Leave the chair Speaker!* *[Disebut beramai-ramai oleh Ahli-ahli pembangkang]* *[Dewan riuh]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Hendak belah bahagi apa? Tidak ada perbahasan pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Memandangkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang tidak berminat untuk membahar usul.

Seorang Ahli: Tidak betul! Tidak benar!

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tidak betul! Tidak betul! Pembohong!

Tuan Yang di-Pertua: Dan mereka ingkar dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka sekarang saya akan putuskan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Leave your chair.*

Ahli-ahli Pembangkang: *Leave the chair! Leave the chair!* *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5) seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *Disgrace!* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mahu belah bahagian, beritahu belah bahagian. Kalau tidak bagi saya, keputusan telah tercapai. Usul dipersetujui. *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Pembangkang: *Shame! Shame! Shame!* *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *Disgrace! Total disgrace!*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tunggu apa lagi? Habislah!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 4 April 2012. Sekian, terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Baliklah, baliklah!

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.01 petang]